

LAPORAN PENYELIDIKAN KOD: PPPP-INFAD/E/2004

PENGURUSAN FATWA DI NEGARA-NEGARA NUSANTARA:  
PENGURUSAN FATWA DI INDONESIA

PENYELIDIK

DR. MUHAMMAD YUSUF KHALID (KETUA)  
PROF. MADYA. DR. ALI YAKUB MATONDANG  
MD. YUNUS ABD. AZIZ

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA  
NILAI, NEGERI SEMBILAN  
MAG 2006

LAPORAN PENYELIDIKAN KOD PPPP- INFAD/E/2004

**PENGURUSAN FATWA DI NEGARA-NEGARA NUSANTARA:  
PENGURUSAN FATWA DI INDONESIA**

**Penyelidik**

**Dr. Muhammad Yusuf Khalid (ketua)  
Prof. Madya. Dr. Ali Yakub Matondang  
Md. Yunus Abd. Aziz**

Perpustakaan KUIIM



1000025258

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA  
NILAI, NEGERI SEMBILAN  
MAC 2006**

## KANDUNGAN

PENGHARGAAN	iv
SINOPSIS	vi-viii
BAB I:	1
BAB II:	7
BAB III:	8
A. MAJLIS ULAMA INDONESIA	8-26
1.1. Latar Belakang Organisasi	
1.2. Perkembangan MUI	
1.3. Carta Organisasi	
1.4. Sumber Kewangan	
1.5. Pnduan Prosuder Penetapan Fatwa	
1.6. Ketentuan Umum	
1.7. Dasar Umum dan Sifat Fatwa	
1.9. Pengurusan Fatwa MUI	
B. NAHDLATUL ULAMA (NU)	27-55
2.1. Sejarah Penubuhan NU	
2.2. Fahaman Agama	
2.3. Penyokong NU	
2.4. Dinamika NU	
2.5. Tujuan Organisasi	
2.6. Carta Organisasi	
2.7. Lembaga-lembaga NU	
2.8. Lajnah-lajnah NU	
2.9. Pengurusan Fatwa NU.	

**C. MUHAMMADIYAH** 55-71

- 3.1. Latar Belakang Penubuhan
- 3.2. Carta Organisasi
- 3.3. Aset Muhammadiyah (Usaha)
- 3.4. Majlis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam
- 3.5. Pengurusan Fatwa Muhammadiyah

**BIBLIOGRAFI** 71-72

**LAMPIRAN**

## PENGHARGAAN

Syukur kami panjatkan ke hadirat Allah SWT. atas taufik, hidayah dan kekuatan serta kesihatan sehingga kami dapat menyiapkan penyelidikan Kod PPPP-INFAD/E/2004 ini.

Kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini secara langsung atau tidak langsung. Penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang telah menanggung segala pembiayaan penyelidikan ini. Terima kasih khas ditujukan kepada Rektor KUIM, Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abd. Shukur Haji Husin dan Timbanlan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohammad Asin bin Dollah yang telah memberikan dorongan untuk menjayakan penyelidikan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Bendahari, Pendaftar dan seluruh kakitangan KUIM yang telah memberi sumbangan dalam apa jua bentuk sekalipun.

Ucapan terima kasih kami tujukan kepada pihak Majelis Ulama Indonesia (MUI), Nahdlatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah atas kerja sama dan bantuan yang diberikan dalam menjayakan penyelidikan ini. Akhirnya kami mengucapkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat memberi sumbangan untuk menjayakan penyelidikan ini namun nama mereka tidak dapat disebutkan di sini. Semoga Allah SWT. membalas segala sumbangan dan pandangan yang telah diberikan. Amin.

## SINOPSIS

Penyelidikan ini mengkaji pengurusan fatwa di Indonesia yang diwakili oleh tiga organisasi Islam di Indonesia yang terlibat secara langsung dalam mengeluarkan dan menguruskan fatwa; Majlis Ulama Indonesia(MUI), Nahdlatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah. Penyelidikan ini menggunakan dua metodologi; yang pertama kajian kepustakaan dimana para penyelidik mendapatkan maklumat menerusi bahan-bahan bercetak seperti buku-buku dan brosur-brosur organisasi-organisasi tersebut dan kajian lapangan. Skop penyelidikan ditumpukan kepada pusat-pusat organisasi-organisasi tersebut. Pusat organisasi Majlis Ulama dan NU di Jakarta sementara pusat Muhammadiyah di Yogyakarta. Hasil penyelidikan mendapati bahawa pengurusan fatwa di Indonesia telah mencapai peringkat yang membanggakan namun masih ada ruang untuk diperkembangkan terutamanya berkaitan dengan penguat kuasa dan penggunaan ICT dalam pengurusan fatwa. Hasil penyelidikan ini penting untuk memberi sumbangan kepada pihak yang ingin memantapkan aspek pengurusan fatwa di seluruh dunia kerana negara Indonesia memiliki pengalaman yang luas dan memiliki jumlah penduduk yang beragama Islam yang ramai.

## SYNOPSIS

This research attempts to study the fatwa management in Indonesia which is represented by three Islamic NGOS namely Majelis Ulama Indonesia (MUI), Nahdlatul Ulama (NU) and Muhammadiyah. The research utilized two methodologies; library research where the researchers obtained the information through books and brochures and field research. The research concentrated on the centers of the three NGOS only, two in Jakarta and one in Yogyakarta. The out come of the research shows that the three NGOS have achieved tremendous achievement in the fatwa management however, there is still room which needs to be improved especially in the area of enforcement and the using of ICT in the fatwa management. The finding of this researh is crucial especially for those who intend to improve the fatwa management internationally, since Indonesia has a long experience in the field and at the same time is the most populous muslim country in the world.

## ملخص البحث

هذا البحث يحاول دراسة إدارة الفتوى في إندونيسيا التي تمثلها ثلاث منظمات إسلامية التي تمارس إصدار الفتاوى وإدارتها في إندونيسيا وهي منظمة مجلس العلماء ومنظمة لهضة العلماء ومنظمة محمدية. وانتهج الباحثون منهجين هما البحث المكتبي حيث بحث الباحثون المعلومات عن طريق القراءة في الكتب والمنشورات التابعة للمنظمات المعنية والبحث الميداني. ركز الباحثون على مراكز المنظمات فقط مركزين في جاكرتا وهما لمجلس العلماء ولهضة العلماء مركز واحد في يوغياكارتا وهو لمنظمة محمدية. واكتشف البحث بأن هذه المنظمات قد أنجزت إنجازات ملحوظة رغم وجود بعض نقاط الضعف خاصة في مجال التنفيذ واستعمال الشبكة التكنولوجية المعلوماتية في إدارة الفتوى. ونتيجة البحث مهمة خاصة للمهتمين في تطوير إدارة الفتاوى عالميا نظرا لأن إندونيسيا لها خبرة طويلة في هذا المجال والمسلمون يمثلون 90% من سكان الدولة.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN**

Umat Islam di Indonesia dianggarkan mewakili 90% dari keseluruhan penduduknya yang berjumlah lebih 200 juta orang. Jumlah ini memberi gambaran bahawa kegiatan umat Islam di Indonesia dalam bidang agama adalah satu perkara yang menarik untuk dikaji, diantaranya ialah bidang yang berkaitan dengan fatwa dan pengurusannya. Sekalipun jumlah penduduknya yang beragama Islam begitu ramai namun negara Indonesia tidak mempunyai seorang mufti. Perkara ini juga menyebabkan bidang ini menarik untuk dikaji untuk mendapatkan maklumat bagaimana umat Islam yang begitu ramai dalam sebuah negara namun tidak mempunyai seorang mufti. Apakah outoriti agama yang tertinggi untuk diikuti oleh umat Islam.

Secara umum umat Islam di Indonesia diurus dalam bidang agama oleh empat organisasi besar atau badan; yang pertama Departemen Agama, yang kedua Majlis Ulama Indonesia (MUI), yang ketiga Nahdlatul Ulama (NU) dan yang keempat Muhammadiyah. Empat organisasi atau badan ini sangat berwibawa di Indonesia sekalipun mempunyai beberapa perbezaan dari segi keahlian dan beberapa aspek yang lain. Sebagai contoh, Departemen Agama tidak terlibat

dalam mengeluarkan fatwa sekalipun ia adalah sebuah badan pemerintah, ia mengendalikan semua penganut agama di Indonesia. NU dianggotai oleh orang Islam yang masih berpegang kepada aliran ahlisunnah waljamaah dan menjadikan Abu Hasan asy'ari serta Abu Mansur Maturidi sebagai tokoh utama dalam bidang akidah. Dalam bidang fiqah mereka menjadikan empat mazhab sebagai panduan dan dalam bidang tasawwuf mereka menjadikan imam Gazali dan Junaid Bagdadi sebagai tokoh utama yang menggabungkan ajarana tasawwuf dengan syariah. AJK fatwa dalam NU dikenali sebagai *LAJNAH BAHTSUL MASAAIL*.

Muhammadiyah pula lebih dikenali sebagai kumpulan modernis yang tidak terikat dengan mana-mana tokoh Islam yang tertentu, dengan kata lain dalam bidang fiqah tidak hanya berpandukan kepada empat mazhab. Demikian juga halnya dalam bidang akidah mereka sangat terbuka kepada mana-mana dalil yang dirasakan lebih kuat dan sahih, oleh yang demikian mereka mempunyai pendekatan yang dinamakan *MANHAJ TARJIH*, yang membandingkan antara beberapa dalil dan seterusnya mengeluarkan fatwa.

Muhammadiyah banyak menekankan aspek pembasmian khurafat dan bidaah dalam amalan umat Islam, oleh yang demikian pengasasnya menyokong idea Ibn Saud untuk mewujudkan satu mazhab dan pembasmian kesan peninggalan sejarah Islam di Mekkah dan Madinah dengan alasan banyak menimbulkan amalan bidaah dan khurafat di kalangan umat Islam.

MUI adalah dianggotai oleh para ulama dan cendikiawan muslim dari pelbagai organisasi, dengan kata lain pakar dan ulam dari NU dan Muhammadiyah dapat bergabung dalam satu majlis untuk membincangkan kemaslahatan umat Islam di Indonesia termasuklah dalam bidang mengeluarkan fatwa. Denag kata lain MUI tidak dimonopoli oleh mana-mana aliran di kalangan umat Islam di Indonesia.

## **1.2 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN**

Penyelidikan ini penting untuk mendapatkan input dalam bidang pengurusan fatwa. Sekalipun Indonesia tidak mempunyai seorang mufti namun proses mengeluarkan fatwa sangat menarik kerana NU dan Muhammadiyah mempunyai dua pendekatan yang berbeza, sedikit sebanyak dapat memberi pendedahan kepada umat Islam di seluruh dunia terutamanya mereka yang terlibat dengan pengurusan fatwa. Kedua pendekatan tersebut mengamalkan fatwa jama'i termasuklah pendekatan yang digunapakai oleh pihak MUI yang dianggotai oleh pakar-pakar dan ulama dari NU dan Muhammadiyah.

Tiga organisasi yang terlibat secara langsung dengan pengurusan fatwa di Indonesia ini dapat dijadikan panduan memandangkan bilangan umat Islam di Indonesia begitu ramai, dengan kata lain kepelbagain permasalahan yang dialami oleh 200 juta lebih umat Islam memerlukan idea-idea yang mencabar dalam bidang mengeluarkan fatwa.

Satu pencapaian yang sangat membanggakan umat Islam ialah kejayaan kerja sama diantara ulama MUI dengan pakar dalam bidang perbankan di Indonesia menghasilkan sebuah buku yang mengandungi fatwa-fatwa dalam bidang muamalat dan kewangan Islam. Kerja sama ini sangat rancak sekarang di Indonesia di mana pihak bank membiayai projek dan pihak MUI menyediakan bidang kepakaran syariah.

Banyak lagi negara Islam belum memikirkan bidang ini sekalipun mempunyai kewangan yang banyak serta kepakaran dalam bidang syariah. Langkah ini memerlukan komitmen dan kreativiti umat Islam demi membangun sosio ekonomi umat Islam yang masih sangat ketinggalan. Banyak lagi perkara-perkara yang dapat dipelajari dari tiga organisasi ini terutamanya dalam bidang pengurusan fatwa.

### 1.3 MATLAMAT DAN OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Matlamat utama penyelidikan ini ialah untuk membuat kajian tentang pengurusan fatwa di Indonesia yang kebetulan diwakili oleh tiga organisasi yang terlibat dengan pengurusan fatwa iaitu Majlis Ulama Indonesia ( MUI), Nahdlatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah.

Selain daripada matlamat tersebut penyelidikan ini juga mempunyai objektif khusus seperti berikut:

1. Untuk mengetahui proses yang dilalui untuk mengeluarkan fatwa.
2. Untuk mengetahui kelayakan seseorang yang boleh menjadi ahli dalam AJK FATWA.
3. Untuk mengetahui klasifikasi fatwa ekonomi, politik, social dan lain-lain
4. Untuk mengetahui jangka masa yang diambil untuk mengeluarkan fatwa.
5. Sama ada pernah terjadi fatwa dikaji semula atau sebaliknya.
6. Untuk mengetahui tahap penggunaan ICT dalam pengurusan fatwa.
7. Adakah fatwa itu mengikat ( wajib diikuti oleh orang islam) apakah hukuman jika seseorang tidak mengikutinya.
8. Untuk mengetahui impak fatwa dikalangan umat Islam.
9. Adakah pakar dari bidang lain dilibatkan seperti doctor perubatan dan pakar sains.
10. Kekerapan mesyuarat dalam sebulan.
11. Untuk mengetahui keterikan kepada mazhab-mazhab tertentu.

12. Untuk mengetahui cara menyampaikan hasil fatwa kepada masyarakat Islam.

#### **1.4 SKOP PENYELIDIKAN**

Penyelidikan ini hanya memfokuskan kepada tiga institusi yang terlibat secara langsung menguruskan fatwa di Indonesia; Majelis Ulama Indonesia (MUI), Nahdlatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah. Sekalipun tiga organisasi ini mempunyai cawangan di 27 negeri di seluruh Indonesia dan dalam keadaan-keadaan tertentu sebuah cawangan boleh mengeluarkan fatwa, namun kajian ini tidak memasukkan cawangan-cawangan tersebut dalam skop kajian ini, dengan kata lain kajian ini hanya di fokuskan kepada pusat tiga organisasi ini iaitu dua di Jakarta; MUI dan NU dan satu di Yogyakarta iaitu Muhammadiyah.

NU dianggarkan mempunyai anggota sekitar 40 juta orang sementara Muhammadiyah dianggarkan mempunyai anggota sekitar 25 juta orang. Sekalipun tajuk penyelidikan ini pengurusan fatwa di Indonesia namun penyelidikan ini juga menyentuh secara jelas bidang kegiatan dan struktur organisasi ini untuk memberikan gambaran yang lebih jelas sejarah penubuhan, nature organisasi ini dan kegiatannya serta sumbangannya dalam masyarakat Islam di Indonesia.

## **BAB 11**

### **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Ada dua metodologi penyelidikan yang digunakan dalam penyeliidakan ini. Satu kajian perpustakaan dan satu lagi kajian lapangan. Dalam menggunakan metodologi kajian perpustakaan penyeliidik membaca literatur yang berkaitan dengan tiga organisasi ini iaitu Majlis Ulama Indonesia, Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah secara umum dan yang berkaitan dengan pengurusan fatwa secara khusus. Untuk mendapatkan gambaran yang jelas menerusi bahan-bahan bercetak berkaitan dengan pengurusan fatwa dalam tiga organisasi tersebut dirasakan cukup, namun demikian penyeliidik ingin memantapkan lagi hasil penyeliidikan dengan mengadakan lawatan dan temu bual secara langsung dengan beberapa tokoh yang terlibat secara langsung dengan proses mengeluarkan fatwa.

Penyeliidik tidak berkesempatan untuk menghadiri salah satu sesi perbincangan mereka untuk mengeluarkan fatwa, namun demikian beberapa tokoh telah memberikan gambaran sesuai dengan pengalaman mereka dalam berbincang untuk menghasilka fatwa. Dengan kata lain gambaran yang terdapat dalam bahan-bahan bercetak berkaitan dengan pengurusan fatwa di Indonesia telah dikuatkan lagi dengan pengalaman langsung bertemu dan bertuka-tukar pandangan dengan mereka yang terlibat dalam pengurusan fatwa.

### **BAB III**

#### **DAPATAN KAJIAN**

##### **A. PENGURUSAN FATWA MAJLIS ULAMA INDONESIA (MUI)**

###### **PENDAHULUAN**

Majlis Ulama Indonesia (MUI) adalah sebuah badan Islam bukan kerajaan yang cukup berwibawa di Indonesia. MUI mempunyai program yang menyeluruh berkaitan dengan hal-ehwal keagamaan masyarakat Islam di Indonesia. Dalam bidang pengurusan fatwa, MUI sudah boleh dianggap sebagai sebuah badan Islam yang mantap, berjaya dan dapat dibanggakan, sekalipun masih ada beberapa ruang yang boleh ditingkatkan terutamanya dalam bidang penggunaan ICT dalam menyebarkan fatwa dan memberi peluang kepada masyarakat Islam di Indonesia mendapatkan fatwa yang diperlukan menerusi atas talian.

MUI telah mencapai satu pencapaian yang sangat membanggakan iaitu menerusi kerja sama dengan Bank Negara Indonesia mengeluarkan fatwa-fatwa yang berkaitan dengan ekonomi dan muamalat. Fatwa-fatwa tersebut telah pun dikuatkuasakan di negara Indonesia sebagai satu undang-undang, namun dari segi pelaksanaannya masih ramai umat Islam yang rendah komitmen keislamannya tidak mengikut fatwa-fatwa tersebut. Sebagai contoh MUI memfatwakan

haram melabur di Bank-Bank konvensional yang tidak mengamalkan sistem perbankan Islam, namun masih ramai umat Islam yang melabur di Bank konvensional kerana keuntungan yang memberangsangkan dan kurangnya komotmen keislaman.

## **LATAR BELAKANG ORGANISASI**

### **RASIONAL PENUBUHAN**

1-Di beberapa negara terutamanya di Asia Tenggara ketika itu telah didirikan Dewan Ulama atau Majelis Ulama atau Mufti sebagai penasihat tertinggi di bidang keagamaan yang memiliki peranan yang strategik.

2-Sebagai lembaga yang mewakili umat Islam Indonesia dalam pertemuan Ulama internasional atau menerima tetamu dari luar negara yang ingin bertukar-tukar fikiran dengan Ulama Indonesia.

3- Untuk membantu pemerintah dalam memberikan pandangan-pandangan berkaitan dengan agama dalam melaksanakan pembangunan dan sebagai badan yang menghubungkan antara umara dengan umat Islam.

4-Sebagai wadah pertemuan dan silaturahmi para Ulama seluruh Indonesia untuk mewujudkan ukuwwah Islamiah.

5- Sebagai wadah musyawarah bagi para Ulama, pemimpin masyarakat serta cendekiawan muslim Indonesia untuk membicarakan permasalahan umat.

Majelis Ulama Indonesia didirikan di Jakarta pada tanggal 17 Rajab 1395 Hijriah, bersamaan dengan 26 Juli 1975 dalam pertemuan alim ulama yang dihadiri oleh Majelis Ulama daerah, pemimpin organisasi masyarakat di peringkat kebangsaan, pemimpin kerohanian Islam dan beberapa tokoh agama Islam yang hadir sebagai individu. Untuk merasmikan berdirinya Majelis Ulama Indonesia piagam Majelis Ulama Indonesia ditandatangani oleh 53 orang Ulama, terdiri daripada 26 orang ketua Majelis Ulama daerah tingkat satu seluruh Indonesia, 10 orang Ulama dari organisasi Islam tingkat pusat, 4 orang Ulama dari bahagian kerohanian angkatan Darat, angkatan Laut, angkatan Udara dan Polis, serta 13 orang Ulama yang hadir sebagai individu.

## **PERKEMBANGAN MUI**

Pada peringkat awal penubuhannya, MUI menimbulkan reaksi pro dan kontra, disamping itu penerimaan masyarakat terhadap MUI juga amat rendah, perkara tersebut timbul kerana hubungan antara pemerintah dengan masyarakat kurang harmonis. Pada waktu itu pihak pemerintah mengambil pendekatan membatasi kegiatan parti-parti politik serta mengecilkan bilangan parti-parti politik dengan menggabungkan parti-parti yang sehaluan termasuk parti-parti Islam. Maka kehadiran MUI juga dicurugai sebagai salah satu helah pemerintah untuk

membatasi peranan organisasi masyarakat Islam. Oleh yang demikian pada tahun pertama, program utama MUI ialah memperkenalkan MUI kepada masyarakat Indonesia dan antarabangsa tentang kewujudan, tugas dan fungsi MUI.

Pengurusan MUI di setiap peringkat berlangsung selama lima tahun. Sampai sekarang (2002) MUI telah menjalankan enam kali mesyuarat peringkat kebangsaan untuk memilih pengurus baru, dan sampai sekarang pengurusan MUI di peringkat pusat telah berjalan selam enam peringkat;

- 1- (1975-1980). Ketua Umum Prof.Dr.Hamka, setiausaha Umum Drs. Haji Kafrawi Ridwan.
- 2- (1980-1985). Ketua Umum KH.M. Syukri Gozali, setiausaha Umum H.a. Burhani kemudian digantikan oleh H.A. Qadir Basalamah.
- 3- (1985-1990).Ketua Umum K.H.Hasan Basri, setiausaha Umum H. S. Prodjokusumo.
- 4- (1990-1995). Ketua Umum K.H. Hasan Basri, setiausaha Umum H.S. Prodjokusumo.
- 5- (1995-2000). Ketua umum K.H.Hasan Basri, setiausaha Umum Drs. Nazri Adlani.
- 6- (2000-2005). K.H. Sahal Mahfudz, setiausaha Umum Prof. Dr. H. M. Din Syamsuddin.

## **CARTA ORGANISASI**

Susunan organisasi MUI adalah sebagai berikut:

1-MUI pusat yang bertempat di ibu negara republik Indonesia.

2-MUI provinsi, bertempat di ibukota provinsi.

3-MUI Kabupaten/Kota, bertempat di ibukota kabupaten/kota.

4-MUI Kecamatan/desa, bertempat di ibukota kecamatan.

Hubungan organisasi antara MUI pusat dengan MUI Provinsi, antara MUI provinsi dengan MUI kabupaten/kota antara MUI Kabupaten/kota dengan MUI Kecamatan bersifat bekerjasama. Sementara hubungna MUI dengan orghanisasi masyarakat/lembaga-lembaga Islam yang lain adalah bersifat konsultatif. MUI adalah wadah musyawarah bukan organisasi masyarakat. MUI tidak memiliki keanggotaan. MUI juga bukan merupakan federasi organisasi-organisasi masyarakat/ lembaga Islam.

## **SUSUNAN ORGANISASI MUI PUSAT, MUI PROVINSI, MUI KABUPATEN/KOTA TERDIRI DARIPADA:**

1-Dewan penasihat terdiri daripada ulama yang berpengalaman dan berpengaruh, wakil-wakil dari organisasi-organisasi masyarakat/ lembaga Islam, tokoh masyarakat Islam, pemimpin sekolah pondok, pemimpin institusi pengajian tinggi Islam, pemimpin/pegawai kanan departemen agama

dan lain-lain sebagainya. Dewan penasihat dipimpin oleh ketua, wakil ketua dan setiausaha, dipilih dan ditetapkan oleh dewan pimpinan harian.

2- Dewan pimpinana harian terdiri daripada seorang Ketua Umum dibantu oleh beberapa orang ketua, seorang setiausaha umum dan setiausaha sesuai dengan keperluan. Seorang bendahari umum dan bendahari sesuai dengan keperluan. Ketua umum MUI dipilih oleh musyawarah nasional dan musyawarah daerah bersama dengan para anggota formatur. Anggota pengurus harian selain ketua umum dipilih oleh formatur musyawarah nasional/musyawarah daerah dan diumumkan menjelang berakhirnya musyawarah nasional/musyawarah daerah.

### **JAWATANKUASA-JAWATANKUASA DALAM MUI**

1-Ukhuwwah Islamiah

2-Dakwah

3-Tarbiah

4-Fatwa

5-Hukum dan perundangan

6-Penyelidikan

7-Kerukaunan antara umat beragama

8-Perekonomian

9-Wanita, remaja dan Kluarga

10-Luar negeri.

Disamping AJK-AJK di atas terdapat juga sepuluh AJK Kecil seperti berikut:

1-Kajian pertanian, obat-obatan, minuman dan kosmetik

2-Dewan syariah nasional

3-Badan Muamalat

4-Badan penerbitan

5-Yayasan Dana Dakwah pembangunan

6-Pencari fakta kes Maluku

7-Tabung amal kemanusiaan

8-Penyelidik kes-kes

9-Solidariti Palestin

10-Anti pornografi.

## **SUMBER KEWANGAN MUI**

Sumber kewangan MUI datang daripada berbagai-bagai pihak antaranya:

1-Sumbangan masyarakat beberbentuk infaq atau sadaqah

2-Bantuan pemerintah sama ada melalui pusat atau daerah.

3-Kerjasama program/kegiatan dengan pelbagai pihak pemerintah atau swasta dari dalam dan luar negeri.

4-Usaha-usaha lain yang sah dan halal seperti dari pihak yayasan, badan usahawan.

#### 5-Diposit Dana Abadi.

Dana tersebut adalah untuk biaya rutin, mesyuarat, transport, program, pembelian peralatan, pembangunan, pemeliharaan dan keperluan lainnya. Semua dana yang diperoleh melalui pelbagai usaha mesti digunakan dan dipertanggungjawabkan secara benar dan telus, sama ada dari segi pentadbiran ketentuan penggunaan kewangan di kalangan MUI mahupun dari segi syara' kepada Allah SWT. Serta dari segi anggaran sesuai dengan peruntukan.

Selain dari tiga perkara di atas, ada lagi tiga hal yang mesti dilalui iaitu:

- 1-Ketentuan kuasa kewangan dan tanda terima pengeluaran.
- 2-Penggabungan dan pemisahan akaun menurut peruntukan dan pertanggungjawapan.
- 3-Laporan pemasukan dan pengeluaran kewangan yang dibentangkan dalam mesyuarat pengurus harian setiap tiga bulan.

### **PANDUAN PROSEDUR PENETAPAN FATWA MUI**

Perkara ini mengandungi tujuh bab yang telah dikemaskinikan pada 12 April 2001. Perkara ini adalah sangat penting untuk memberi gambaran yang jelas bahawa sebarang fatwa yang dikeluarkan mestilah melalui prosedur yang

mantap dan telus agar fatwa yang dihasilkan adalah fatwa yang berwibawa seterusnya dapat dihormati oleh masyarakat Islam.

Ekoran perkembangan sains dan teknologi yang meliputi seluruh aspek kehidupan yang dapat memudahkan dan membahagiakan masyarakat, disamping itu juga menimbulkan banyak permasalahan baru sebelum ini tidak pernah difikirkan akan berlaku. Pada waktu yang sama masyarakat Islam secara keseluruhan mempunyai semangat agama yang tinggi, oleh yang demikian mereka tidak seharusnya dibiarkan mencari-cari dalam melaksanakan tanggungjawab beragama.

Majelis Ulama Indonesia yang merupakan wadah musyawarah para ulama dan cendikiawan muslim adalah lembaga yang paling kompeten untuk menyelesaikan dan menjawab setiap masalah social keagamaan yang sentiasa timbul dan dihadapi masyarakat serta telah mendapat kepercayaan masyarakat dan pemerintah Indonesia.

Panduan penetapan fatwa yang ditetapkan berdasarkan surat kuasa Dewan Pimpinan Majelis Ulama Indonesia NO U-596/MUI/X/1997. 2 Oktober 1997 (pelengkap kepada panduan berdasarkan keputusan Sidang Pengurus Majelis Ulama Indonesia 7 Jamadil Awal 1406H./18 Januari 1986M) Dianggap sudah tidak mencukupi lagi, oleh yang demikian MUI perlu segera mengeluarkan panduan baru dan komprehensif serta telus yang mengatur

prosedur, mekanisme dan system pemberian jawapan terhadap masalah keagamaan.

### **KETENTUAN UMUM**

Dalam keputusan ini yang dimaksud dengan:

1. Majelis Ulama Indonesia(MUI) adalah MUI pusat yang bertempat di Ibukota Negara Republik Indonesia.
2. Majelis Ulama Indonesia Daerah( MUIdaerah) adalah MUI provinsi yang bertempat di Ibukota Provinsi atau MUI Kabupaten/Kota yang bertempat di Ibukota Kabupaten/Kota.
3. Dewan Pimpinan adalah:
  - a. Ketua Umum dan setiausaha Majelis Ulama Indonesia
  - b. Ketua Umum dan setiausaha Majelis Ulama Indonesia Daerah
4. Komisi adalah komisi fatwa Majelis Ulama Indonesia atau komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia Daerah.
5. Anggota komisi adalah anggota komisi fatwa berdasar ketetapan dewan pimpinan.
6. Mesyuarat adalah mesyuarat komisi fatwa yang dihadiri oleh anggota komisi dan peserta lain yang dianggap perlu untuk membahas masalah hukum yang akan difatwakan.
7. Fatwa adalah jawapan atau penjelasan daripada ulama mengenai masalah keagamaan dan berlaku untuk umum.

8. Keputusan fatwa adalah fatwa MUI tentang suatu masalah keagamaan yang telah disetujui oleh anggota komisi dalam mesyuarat.
9. Ijma' ialah kesepakatan para ulama tentang suatu masalah agama.
10. Qiyas ialah pelaksanaan hukum asal kepada furu' disebabkan persamaan illat hukum.
11. Istihsan ialah pelaksanaan masalah juz'iyah ketika berhadapan dengan kaedah umum.
12. Masalah mursalah ialah kemaslahatan yang tidak didukung oleh dalil syar'i tertentu.

### **DASAR UMUM DAN SIFAT FATWA**

1. Penetapan fatwa didasarkan kepada al-Qur'an, sunnah (hadis), ijma' dan qiyas.
2. Penetapan fatwa bersifat responsive, proaktif dan antisipatif.
3. Kegiatan penetapan fatwa dijalankan secara kolektif oleh suatu lembaga yang dinamakan "Komisi Fatwa"

### **METODOLOGI PENETAPAN FATWA**

1. Sebelum fatwa ditetapkan hendaklah ditinjau terlebih dahulu pendapat para imam mazhab tentang masalah yang akan difatwakan tersebut, secara saksama menurut dalil-dalilnya.

2. Masalah yang telah jelas hukumnya( ahkam qatiyyah) hendaklah disampaikan sebagaimana adanya.
3. Dalam masalah yang terjadi khilafiyah di kalangan mazhab, maka
  - a. Penetapan fatwa didasarkan kepada hasil usaha penemuan titik temu di antara pendapat-pendapat mazhab melalui metodologi *al-Jam'u wa al-Taufiq*;
  - b. jika usaha penemuan titik temu tidak berjaya dilakukan, penetapan fatwa didasarkan kepada hasil tarjih dengan menggunakan kaedah-kaedah *Usul fiqh muqaran*.
4. Dalam masalah yang tidak diketemukah hukumnya di kalangan mazhab, penetapan fatwa didasarkan kepada hasil ijtihad jamai' melalui metodologi bayani, ta'lili(qiyasi,istihsani,ilhaqi), istislahi dan saad al-zariah.
5. Penetapan fatwa mesti sentiasa memperhatikan kemaslahatan umum dan maqasid al-syariah.

### **PROSEDUR MESYUARAT**

1. Mesyuarat mesti dihadiri oleh para anggota Komisi (AJK) yang jumlahnya dianggap cukup memadai oleh pengerusi mesyuarat.
2. Dalam hal-hal tertentu mesyuarat boleh menghadirkan tenaga pakar yang berhubungan dengan masalah yang akan dibahas.
3. Mesyuarat diadakan jika ada:
  - a. Permintaan atau pertanyaan dari masyarakat yang menurut Dewan Pimpinan perlu dibahas dan diberi fatwanya.

- b. Permintaan atau pertanyaan dari pemerintah, lembaga, organisasi sosial atau MUI sendiri.
  - c. Perkembangan dan dapatan masalah-masalah keagamaan yang timbul akibat perubahan masyarakat dan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi.
4. Mesyuarat dipengerusikan oleh ketua atau wakil ketua komisi atas persetujuan ketua komisi, disertai dengan setiausaha atau wakil setiausaha komisi.
5. Jika ketua dan wakil ketua tidak dapat menghadiri mesyuarat, mesyuarat dipengerusikan oleh seorang anggota komisi yang persetujuan.
6. Dalam mesyuarat setiausaha atau wakil setiausaha komisi mencatat usul-usul, saranan dan pendapat anggota komisi untuk dijadikan minit mesyuarat dan bahan keputusan fatwa komisi.
7. Setelah melakukan pembahasan secara mendalam dan komprehensif serta mengambil kira pendapat dan pandangan yang berkembang, mesyuarat menetapkan fatwa.
8. Keputusan komisi secepat mungkin dilaporkan kepada Dewan Pimpinan untuk dimaklumkan kepada masyarakat atau pihak-pihak yang berkenaan.

### **FORMAT KEPUTUSAN FATWA**

1. Keputusan fatwa dirumuskan dengan bahasa hukum yang mudah difahami oleh masyarakat umum.

2. Keputusan fatwa mengambil kira perkara-perkara berikut:
  - a. Judul dan nombor keputusan fatwa
  - b. Pertimbangan yang terdiri daripada:
    - 1) menimbang, mengandungi latarbelakang, alasan dan keperluan penetapan fatwa.
    - 2) Mengingat, mengandungi dasar-dasar hukum (adillah al-ahkam)
    - 3) Memperhatikan, mengandungi pendapat ahli mesyuarat, pendapat para ulama, pendapat para pakar, dan hal-hal lain yang menyokong penetapan fatwa.
  - c. Diktum, mengandungi:
    - 1) Substansi hukum yang difatwakan, dan
    - 2) Rekomendasi dan/atau penyelesaian jika diperkirakan perlu.
  - d. Penjelasan, mengandungi huraian dan analisis secukupnya tentang keputusan fatwa.
  - e. Lampiran-lampiran, jika dianggap perlu.
3. Keputusan fatwa ditandatangani oleh Ketua dan setiausaha komisi.

### **BIDANG KUASA FATWA MUI**

1. MUI mempunyai kuasa menetapkan fatwa mengenai masalah-masalah keagamaan secara umum, terutamanya masalah hukum (fiqh) dan masalah akidah yang berkaitan dengan kebenaran dan kemurnian keimanan umat Islam Indonesia.

2. MUI mempunyai kuasa menetapkan fatwa mengenai masalah-masalah keagamaan seperti NO. satu yang berkaitan dengan umat Islam Indonesia di peringkat kebangsaan atau masalah-masalah keagamaan di suatu daerah yang dijangka dapat tersebar di daerah lain.
3. Berkaitan dengan masalah yang telah wujud keputusan fatwa MUI, Majelis Ulama Indonesia Daerah berhak melaksanakannya.
4. Jika terdapt faktor-faktor tertentu sehingga perkara NO 3 tidak dapat dilaksanakan maka MUI daerah boleh menetapkan fatwa yang berbeza setelah berkonsultasi dengan MUI pusat.
5. Dalam keadaan belum wujud fatwa MUI pusat, MUI daerah mempunyai kuasa menetapkan fatwa.
6. Khusus mengenai masalah-masalah yang sangat musykil dan sensitif, sebelum menetapkan fatwa MUI daerah diharapkan terlebih dahulu melakukan konsultasi dengan MUI pusat.

## **PENUTUP**

1. Kputusan fatwa di lingkungan MUI mahupun MUI daerah yang berdasarkan kepada panduan dan prosedur yang telah ditetapkan dalam surat keputusan ini mempunyai kedudukan yang sama dan tidak saling membatalkan.

2. Jika terdapat perbezaan antara keputusan fatwa MUI dengan MUI daerah mengenai masalah yang sama, perlu diadakan pertemuan antara kedua dewan pimpinan untuk mencari penyelesaian yang terbaik.
3. Hal-hal yang belum disebutkan dalam surat keputusan ini akan ditetapkan lebih lanjut oleh Dewan Pimpinan.
4. Surat Keputusan ini berlaku sejak tanggal ditetapkannya; dengan mengambil kira jika terdapat kekeliruan dalam surat keputusan ini akan disempurnakan sebagaimana mestinya.

### **PENGURUSAN FATWA MAJLIS ULAMA INDONESIA**

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai pengurusan fatwa MUI, penulis telah mengadakan temubual dengan ketua Dewan Syariah Nasional MUI K.HJ.Ma'ruf Amin di Masjid Istiqlal, Jakarta 2.12.2004. dalam temubual tersebut penulis telah mengemukakan 12 soalan yang berkait rapat dengan pengurusan fatwa di MUI. MUI adalah sebuah badan yang sangat berwibawa di Indonesia sehingga semua departemen meminta fatwa dari MUI, fatwa MUI selalu menjadi asas kepada pengubalan undang-undang negara.

Mengenai hubungan fatwa dengan undang-undang negara, fatwa telah menjadi satu pegangan dan panduan bagi masyarakat Islam di Indonesia, namun tidak ada hukuman yang dikenakan kepada sesiapa yang melanggar

fatwa, sebagai contoh fatwa haram melabur di bank konvensional telah diwartakan oleh pihak bank sentral Indonesia namun tidak dijelaskan jenis hukuman yang akan dikenakan kepada mereka yang tidak patuh kepada fatwa tersebut. Bank sentral Indonesia berkuasa mentaqqinkan ekonomi sebagaimana perlimen berkuasa mentaqqinkan undang-undang.

Penyelarasan fatwa MUI di Indonesia mencakupi umat Islam keseluruhannya di Indonesia, berlainan dengan fatwa Muhammadiyah dan fatwa Nahdhatul ulama hanya mencakupi pengikutnya masing-masing. MUI telah mengkategorikan fatwa-fatwanya kepada tiga bahagian; fatwa ekonomi dan muamalat yang dikeluarkan oleh Dewan Syariah Nasional MUI bekerjasama dengan pakar-pakar dari perbankan di Indonesia. Fatwa umum berdasarkan permintaan, pertanyaan masyarakat, pemerintah, lembaga, syarikat, MUI sendiri, organisasi-organisasi serta penemuan-penemuan baru yang memerlukan fatwa. Sertifikat halal yang diberikan kepada produk-produk yang telah dipastikan oleh Komisi fatwa MUI sebagai halal setelah mengkaji dapatan peneylidik yang telah dilantik oleh Komisi fatwa MUI.

Kesan fatwa MUI sangat besar kepada kehidupan masyarakat Islam di Indonesia. Sebagai contoh pengharaman produk ajinomoto yang diboikot oleh umat Islam seluruh Indonesia sehingga produk tersebut terjejas teruk. Sekalipun penulis telah membincangkan mekanisme mengeluarkan fatwa menurut panduan MUI namun disini disertakan sebagai maklumat tambahan

yang langsung daripada K.HJ.Ma'ruf. Tidak terikat dengan mazhab tertentu seterusnya menggunakan pendekatan berikut; *nas qati'*, *aqwal*, *jam'u wa al-Taufiq*, *al-Tarjih*, *ilhaq masail binazariha*, *istimbat tariq ijtihad jamai'* dan *sadd zariah*. Yang boleh diringkaskan kepada tiga iaitu *nas qati'*, *qauli* dan *manhaji*. Beliau mencadangkan supaya pendekatan ini digunapakai di peringkat dunia, dan beliau bersyukur kerana dapat meyakinkan pihak para mufti di Malaysia dan Brunei tentang kebaikan pendekatan ini di seminar yang telah diadakan di Surabaya, Indonesia.

Pendokumentasian fatwa MUI masih sangat sederhana namun sudah boleh dianggap baik kerana sudah mencetak fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan untuk kegunaan pelbagai pihak sama ada di dalam negeri atau di luar negeri. Mengenai kelayakan ahli komisi fatwa disamping iman dan taqwa ialah kelayakan akademik, tidak ada ahli tetap. MUI melibatkan pakar ketika membincangkan permasalahan yang memerlukan kepakaran pihak-pihak tertentu. Sebagai contoh proses menghalalkan ketam, pihak MUI terpaksa mendatangkan Profesor dari Bandung mengenai ketam kerana dikatakan ketam tidak halal memandangkan boleh hidup dalam dua alam. Setelah dikaji ternyata ketam adalah haiwan laut yang dapat hidup di darat hanya selama seminggu kerana telah membawa bekalan air di dalam badannya.

Dewan Syariah Nasional MUI mengadakan mesyuarat sehingga tiga kali seminggu memandangkan banyaknya permasalahan. Komisi fatwa MUI

hanya mengadakan mesyuarat sekali seminggu. Tidak ada jangka masa yang tertentu untuk mengeluarkan fatwa bergantung kepada susah atau senangya permasalahan tersebut. Sebagai contoh pengharaman bunga bank, MUI mengambil masa tiga bulan untuk mewarwarkan (*expose*) perkara ini untuk mendapatkan *feedback* daripada masyarakat sebelum mengharamkannya. Biasanya kalau ada satu isu baru pihak komisi fatwa akan melantik dua ahli untuk menulis artikel satu dari pihak pakar professional dan satu lagi dari pihak pakar syariah, sebgai contoh isu bacteria yang akan dibincangkan pada bulan desember 2004. Adakah bacteria itu najis atau suci.

Cadangan pihak MUI untuk memantapkan lagi institusi fatwa MUI ialah mendapatkan sokongan dari pihak pemerintah untuk menguatkuasakan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan sebagaimana yang berlaku kepada fatwa-fatwa ekonomi muamalat yang telah dihasilkan oleh Dewan Syariah Nasional MUI.

Penggunaan ICT di MUI masih sangat terhad namun sudah melangkah ke arah itu dengan bekerjasama dengan bank muamalat Indonesia.

## **B. PENGURUSAN FATWA NAHDLATUL ULAMA NU**

### **PENDAHULUAN**

Nahdlatul Ulama (NU) adalah sebuah NGO Islam yang terbesar di Indonesia. Dianggarkan ahlinya sekarang mencapai 40 juta orang. NGO ini menganut fahaman Islam aliran Ahlusunnah waljamaah dengan menjadikan Abu Hasan Asy'ari dan Abu Mansur Maturidi sebagai tokoh utama dalam bidang akidah dan menjadikan empat mazhab sebagai panduan dalam bidang fiqah. Adapun dalam bidang tasawwuf mereka menjadikan Imam Gazali dan Imam Junaid Bagdadi sebagai tokoh utama dalam mengamalkan ajaran tarekat tasawwuf. NGO ini sangat di segani di kalangan umat Islam di Indonesia memandangkan majoriti besar umat Islam di Indonesia menganut aliran ahlisunnah waljamaah. Oleh yang demikian fatwa yang dikeluarkan oleh AJK fatwa NU memberi kesan yang besar kepada umat Islam di Indonesia.

### **SEJARAH PENUBUHAN NAHDATUL ULAMA (NU)**

Kemunduran dalam bidang ekonomi dan mental bangsa Indonesia akibat daripada penjajahan mahupun akibat daripada kongkongan tradisi telah mencabar kesedaran kaum terpelajar untuk memperjuangkan martabat bangsa ini melalui jalan pendidikan dan organisasi. Gerakan yang muncul pada tahun 1908 dikenali

dengan kebangkitan nasional. Semangat kebangkitan memang tersebar di mana-mana setelah rakyat sadar terhadap penderitaan dan kemunduran berbanding dengan bangsa lain. Akhirnya muncullah berbagai-bagai organisasi pendidikan dan pembebasan.

Pondok-pondok pengajian selama ini gigih melawan penjajahan menyahut seruan kebangkitan nasional dengan membentuk organisasi pergerakan seperti *Nahdatul Watan* pada tahun 1916 kemudian tahun 1918 didirikan *Taswirul Afkar* atau *Nahdatul Fikri* sebagai wahana pendidikan sosial politik dan keagamaan pelajar-pelajar. Seterusnya didirikan *Nahdatu Tujjar*, syarikat ini dijadikan asas untuk memajukan ekonomi rakyat. Dengan adanya *Nahdatu Tujjar*, maka *Taswirul Afkar* selain berperanan sebagai group study juga menjadi lembaga pendidikan yang berkembang pesat dan memiliki cawangan di beberapa kota.

Ketika Raja Ibn Saud mahu menerapkan asas tunggal yakni mazhab Wahabi di Mekkah serta hendak menghancurkan segala peninggalan sejarah Islam mahupun pra Islam, yang selama ini banyak diziarahi kerana dianggap bidaah. Gagasan tersebut mendapat sambutan dari kaum modernis di Indonesia, sama ada dari kalangan Muhammadiyah di bawah pimpinan Ahmad Dahlan atau dari Persatuan Syarikat Islam Indonesia di bawah pimpinan HOS Tjokroaminoto. Sebaliknya di kalangan para pelajar pondok yang selama ini membela semangat beragama menolak pembatasan mazhab dan penghancuran peradaban tersebut.

Dengan pendirian yang berbeza tersebut, pihak pondok dikeluarkan dari anggota Kongres Al-Islam Yogyakarta pada tahun 1925, akibatnya mereka tidak dilibatkan sebagai delegasi dalam muktamar Alam Islami di Mekkah yang akan mengesahkan keputusan tersebut. Dengan dorongan minatnya yang tinggi untuk menciptakan kebebasan bermazhab dan sikap prihatin terhadap pemuliharaan warisan peradaban, pihak pondok terpaksa membentuk delegasi sendiri yang dinamakan Komiti Hijaz yang diketuai oleh Kiyai Kaji Wahab Hasbullah.

Atas desakan Komiti Hijaz dan bantahan dari pelbagai pihak dari segala penjuru dunia Islam maka raja Ibn Saud membatalkan niatnya. Hasilnya hingga ke hari ini umat Islam di Mekkah bebas mengamalkan ajaran Islam sesuai dengan mazhab mereka masing-masing. Inilah impak pertama pihak pondok di peringkat antara bangsa yang pertama yang berjaya memperjuangkan kebebasan bermazhab dan berjaya menyelamatkan peninggalan sejarah dan peradaban yang sangat berharga. Namun realitinya sekarang pihak kerajaan Arab Saudi terus memusnahkan sebahagian peninggalan sejarah Islam sekalipun mendapat bantahan daripada pelbagai pihak.

Selanjutnya dibentuk sebuah organisasi yang lebih sistematik untuk mengikuti perkembangan zaman. Setelah diadakan perbincangan dengan beberapa ulama akhirnya ditubuhkan organisasi yang bernama Nahdatul Ulama. Untuk memantapkan dasar organisasi ini, Kiyai Haji Hasyim Asy'ari merumuskan kitab *Qanun Asasi* dan *Iktikad Ahlu Sunnah Waljamaah* kedua kitab tersebut dijadikan

sebagai dasar dan rujukan warga NU dalam berfikir dan bertindak dalam bidang sosial, keagamaan dan politik. ([www.nu.or.id/sejarah.asp](http://www.nu.or.id/sejarah.asp))

## FAHAMAN AGAMA

NU menganut fahaman Ahlusunnah waljamaah, sebuah pola pemikiran yang mengambil jalan tengah antara ekstrim aqli(rasional) dengan ekstrim naqli(skriptual). Oleh itu sumber pemikiran bagi NU bukan saja Qu'an dan Sunnah tetapi juga menggunakan kemampuan akal ditambah dengan realiti empirikal. Cara berfikir semacam ini dirujuk kepada pemikir terdahulu seperti Abu Al-Hasan Asy'ari dan Abu Mnasur Al-Maturidi dalam bidang teologi kemudian dalam bidang fiqah mengikut empat mazhab; Hanafi, Syafi'i, Maliki dan Hambali. Sementara dalam bidang tasawwuf, mengembangkan metod al-Gazali dan Al-Junaid al-Bagdadi, yang mengintegrasikan tasawwuf dengan syariah.

Gagasan kembali kepada khittah(prinsip) pada tahun 1985 merupakan detik penting untuk menafsirkan kembali ajaran Ahlusunnah Waljamaah serta merumuskan kembali metod berfikir, sama ada dalam bidang fiqah atau bidang social. Serta merumuskan kembali hubungan NU dengan Negara. Gerakan tersebut berjaya membangkitkan semangat berfikir dan dinamika social dalam NU.

## **PENYOKONG NU**

Jumlah warga NU yang merupakan basis pendukungnya diperkirakan mencapai lebih dari 40 juta orang, dengan beragam profesi, yang sebagian besar dari mereka adalah rakyat jelata, baik di kota mahupun di desa. Mereka memiliki kerja sama yang tinggi kerana secara sosial ekonomi memiliki masalah yang sama, selain itu mereka juga sangat menjiwai ajaran ahlusunnah wal jamaah. Pada; umumnya mereka memiliki ikatan cukup kuat dengan dunia pondok yang merupakan pusat pendidikan rakyat dan pemangkin budaya NU.

Basis pendukung NU ini mengalami perubahan, sejalan dengan pembangunan dan perkembangan industrialisasi, maka penduduk NU di desa banyak yang bermigrasi ke kota memasuki sektor industri. Maka kalau selama ini basis NU lebih kuat di sektor pertanian di pedesaan, maka saat ini di sektor buruh di perkotaan juga cukup dominan. Demikian juga dengan terbukanya sistem pendidikan, basis intelektual dalam NU juga semakin meluas, sejalan dengan cepatnya mobiliti sosial yang terjadi selama ini.

## **DINAMIKA**

Prinsip-prinsip dasar yang dicanangkan NU telah diterjemahkan dalam perilaku konkret. Sehingga NU banyak mengambil kepeloporan dalam sejarah Bangsa Indonesia ini menunjukkan bahawa organisasi ini hidup secara dinamik dan responsif terhadap perkembangan zaman. Antara pencapaian NU antara lain:

1-Menghidupkan kembali gerakan pribumisasi Islam, sebagaimana diwariskan oleh para Walisongo dan pendahulunya.

2-Mempelopori perjuangan kebebasan bermazhab di Mekah, sehingga umat Islam sedunia dapat menjalankan ibadah sesuai dengan mazhab masing-masing.

3-Mempelopori berdirinya MIAI (Majlis Islami A'la Indonesia) tahun 1937, yang kemudian ikut memperjuangkan tuntutan Indonesia berparlemen.

4-Memobilisasi perlawanan fisik terhadap kekuatan imperialis melalui Resolusi Jihad yang dikeluarkan pada tanggal 22 Oktober 1945

5-Berubah menjadi parti politik, yang pada Pilihan raya 1955 berhasil menempati urutan ketiga dalam perolehan suara di peringkat kebangsaan.

6-Memprakarsai penyelenggaraan Konferensi Islam Asia Afrika (KIAA) 1965 yang diikuti oleh perwakilan dari 37 negara.

7-Memperlopori gerakan Islam cultural dan memantapkan civil society di Indonesia sepanjang dekad 90-an.

## TUJUAN DAN OBJEKTIF ORGANISASI

Menegakkan ajaran Islam menurut fahaman Ahlussunnah waljama'ah di tengah-tengah kehidupan masyarakat, di dalam wadah Negara Kesatuan Republik Indonesia.

### **Usaha Organisasi**

1-Di bidang agama, melaksanakan dakwah Islamiyah dan meningkatkan rasa persaudaraan yang berpijak pada semangat persatuan dalam perbedaan.

2-Di bidang pendidikan, menyelenggarakan pendidikan yang sesuai dengan nilai-nilai Islam, untuk membentuk muslim yang bertakwa, berbudi luhur, berpengetahuan luas.

3-Di bidang sosial budaya, mengusahakan kesejahteraan rakyat serta kebudayaan yang sesuai dengan nilai keislaman dan kemanusiaan.

4-Di bidang ekonomi, mengusahakan pemerataan peluang untuk menikmati hasil pembangunan, dengan mengutamakan berkembangnya ekonomi rakyat.

5-Mengembangkan usaha lain yang bermanfaat bagi masyarakat umum.

## **STRUKTUR ORGANISASI**

1-Pengurus Besar (tingkat Pusat)

2-Pengurus Wilayah (tingkat Propinsi)

3-Pengurus Cabang (tingkat Kabupaten/Kota)

4-Pengurus Majelis Wakil Cabang / MWC (tingkat Kecamatan)

5-Pengurus Ranting (tingkat Desa / Kelurahan)

Untuk Pusat, Wilayah, Cabang, dan Majelis Wakil Cabang, setiap kepengurusan terdiri dari:

1-Mustayar (Penasihat)

2--Syuriah (Pimpinan tertinggi)

3--Tanfidziah (Pelaksana Harian)

Untuk Ranting, setiap kepengurusan terdiri dari:

1-Syuriah (Pimpinan tertinggi)

2-Tanfidziah (Pelaksana harian)

## **JARINGAN ORGANISASI**

Hingga akhir tahun 2000, jaringan organisasi NU meliputi:

31 Wilayah

339 Cabang

12 Cabang Istimewa

2.630 Majelis Wakil Cabang / MWC

37.125 Ranting

## **LEMBAGA**

Merupakan pelaksana kebijakan NU yang berkaitan dengan suatu bidang tertentu.

Lembaga ini meliputi:

### **1. Lembaga Dakwah Nahdlatul Ulama (LDNU)**

Program pokok:

- Pengembangan organisasi dan SDM (sumber daya manusia) di bidang dakwah Islamiyah.
- Pengembangan kerukunan antara umat beragama
- Penyebarluasan ajaran Islam yang selaras dengan semangat ahlussunah waljama'ah
- Pengendalian kegiatan social kemasyarakatan.

Jaringan Organisasi:

28 Wilayah

328 Cabang

### **2.Lembaga Pendidikan Ma'arif Nahdlatul Ulama(LP Ma'arif NU)**

Program Pokok:

- Pengkajian kependidikan
- Peningkatan kualiti tenaga pendidik
- Pengembangan pendidikan berbasis masyarakat
- Pengembangan kurikulum pendidikan yang dapat memadukan ketinggian ilmu pengetahuan dan keluhuran budi pekerti
- Pengembangan jaringan kerja yang terkait dengan dunia pendidikan

Jaringan Organisasi:

20 Wilayah

117 Cabang

Jaringan Usaha:

3.885 TK/TPQ

197 SD dan 3.861 MI

378 SLTP dan 733 MTs

211 SLTA dan 212 MA

44 Universiti dan 23 Akademi/Sekolah Tinggi

### **3. Lembaga Pelayanan Kesehatan Nahdlatul Ulama ( LPKNU )**

Program Pokok:

- Pengkajian masalah kesihatan
- Pendidikan dan pembinaan pelayanan kesihatan
- Pengumpulan dana bagi para korban bencana alam dan kesihatan
- Pengembangan lembaga pengendalian krisis kesihatan.

Jaringan Organisasi:

27 Wilayah

100 lebih Cabang

#### **4. Lembaga Perekonomian Nahdlatul Ulama (LPNU)**

Program pokok:

- Pengkajian ekonomi
- Pemetaan potensi ekonomi warga NU
- Pemberdayaan ekonomi masyarakat
- Pelatihan

Jaringan organisasi:

24 Wilayah

207 Cabang

#### **5. Lembaga Pengembangan Pertanian Nahdlatul Ulama (LP2NU)**

Program pokok:

- Pengkajian masalah pertanian
- Pengembangan sumber daya hayati (kehidupan)
- Pembinaan dan advokasi pertanian
- Pemberdayaan ekonomi petani

Jaringan organisasi:

19 Wilayah

140 Cabang

## **6. Rabithah Ma'ahad Islamiyah (RMI)**

Program pokok:

- Pengkajian kepesantrenan (pondok)
- Pengembangan kualiti pendidikan pesantren
- Pengembangan peran social pesantren (pondok)
- Pemberdayaan ekonomi pesantren (pondok)

Jaringan organisasi:

27 Wilayah

323 Cabang

Jaringan usaha:

6.830 Pesantren (pondok pengajian)

## **7. Lembaga Kemaslahatan Keluarga Nahdlatul Ulama (LKKNU)**

Program pokok:

- Pengkajian sosial keagamaan
- Pengembangan wawasan keluarga sejahtera
- Pelayanan kesihatan masyarakat
- Advokasi kependudukan dan lingkungan hidup

Jaringan organisasi:

22 Wilayah

50 lebih Cabang

#### **8. Lembaga Takmir Masjid Indonesia ( LTMI )**

Program pokok:

-Pengembangan kualiti manajemen rumah ibadah

-Pengembangan aktiviti

#### **9. Lembaga Kajian dan Pengembangan Sumberdaya Manusia (LAKPESDAM)**

Program pokok:

-Pengkajian sosial, ekonomi, budaya, dan keagamaan

-Pengembangan kreativiti dan produktiviti masyarakat

-Pendidikan dan pembinaan perencanaan strategik

-Pengembangan program pembangunan sektoral

Jaringan organisasi:

16 Wilayah

60 lebih Cabang

## **10. Lembaga Penyuluhan dan Bantuan Hukum (LPBH)**

Program pokok:

- Pengkajian hukum dan perundang-undangan
- Pendidikan kepengacaraan(peguamcara)
- Advokasi dan penyuluhan hukum (kaunseling undang-undang)
- Kempen penegakan hukum dan HAM (hak asasi manusia)

Jaringan organisasi:

1 Wilayah

7 Cabang

Selain 10 Lembaga, 5 Lajnah, dan 10 Badan Otonom, khusus di tingkat Pusat NU juga memiliki Centre for Strategic Policy Studies (CSPS) yang bertugas mengkaji masalah-masalah yang berkaitan dengan kebijakan strategik pemerintah keagamaan masjid

-Peningkatan fungsi social masjid

Jaringan organisasi:

16 Wilayah (negeri)

## **LAJNAH**

Merupakan pelaksana program NU yang memerlukan penanganan khusus.

Lajnah ini meliputi:

### **1. Lajnah Falakiyah**

Program pokok:

- Kajian keagamaan yang menyangkut masalah falakiyah
- Pendidikan dan pelayanan informasi falakiyah
- Penerbitan taqwim NU

Jaringan organisasi:

5 Wilayah

### **2. Lajnah Ta'lif wan Nasyr**

Program pokok:

- Pengkajian ke-NU-an dan kemasyarakatan (perkara berkaitan dengan NU)
- Penulisan dan penerbitan buku-buku ke-NU-an
- Penerbitan media massa

Jaringan organisasi:

16 Wilayah

### **3. Lajnah Auqaf**

Program pokok:

-Pengkajian perwakafan

-Pengembangan kualiti pengelolaan harta wakaf warga NU

Jaringan organisasi:

27 Wilayah

100 lebih Cabang

#### **4. Lajnah Zakat, Infaq, dan Shadaqah (LAZIS NU)**

Program pokok:

-Pengkajian masalah zakat, infaq, dan shadaqah

-Pengembangan yang efektif pola pengelolaan zakat, infaq, dan sadaqah

Jaringan organisasi:

27 Wilayah

100 lebih Cabang

#### **5. Lajnah Bahtsul Masail**

Program pokok:

-Pengkajian masalah-masalah actual kemasyarakatan

-Perumusan dan penyebarluasan fatwa hukum (Islam)

-Pengembangan standarisasi kitab-kitab fiqah

Jaringan organisasi:

31 Wilayah

339 Cabang

## PENGURUSAN FATWA NU

Lajnah (AJK) inilah yang mengeluarkan fatwa dalam organisasi NU yang dikenal sebagai Lajnah Bahtsul Masaail. Adapun langkah-langkah yang diambil dalam mengeluarkan fatwa adalah sebagai berikut. Pertama ialah penentuan tajuk kemudian disediakan dua makalah oleh dua tokoh dari bidang yang berlainan seterusnya dibentangkan. Sebagai contoh satu dari bidang syariah dan satu lagi dari bidang perubatan. Fokus ditumpukan kepada mazhab Syafi'i dan ditekankan kepada empat perkara iaitu dalil, istidlal, Ijmak dan qiyas. Tajuk yang dicadangkan sama ada dari daerah atau dari pusat sendiri. Dalam bidang ekonomi NU lebih terbuka kepada semua mazhab. Mesyuarat peringkat kebangsaan akan diadakan untuk membincangkan hasil fatwa.

Hampir setiap minggu pihak NU mengadakan mesyuarat dengan pihak Muhammadiyah terutamanya dalam bidang berkaitan dengan ekonomi. Penggunaan ICT dalam pengurusan fatwa dalam NU masih di peringkat permulaan, namun demikian pihak NU sudah memiliki laman web sendiri yang boleh dibanggakan sebagai sebuah NGO yang memperjuangkan Islam. Mengenai keahlian dalam Lajnah Bahtsul Masaail factor karisma masih dominan berbanding dengan factor akademik, dengan kata lain seorang yang bergelar kiyai atau tok guru masih lebih berwibawa berbanding dengan seorang tokoh yang

hanya memiliki gelaran dalam bidang akademik seperti MA atau Ph.D namun belum dikenal di kalangan masyarakat sebagai seorang kiyai atau tok guru. Ahli dalam Lajnah ini datang dari pelbagai disiplin ilmu seperti doctor perubatan dan sebagainya.

Dalam sejarah Lajnah ini mengeluarkan fatwa pernah terjadi fatwa dinilai semula, sebagai contoh fatwa yang mengharamkan seorang wanita muslim untuk menjadi presiden di sebuah negara Islam. Fatwa ini disokong oleh Hasyim Muzadi namun Gus Dus mengatakan bahawa halal bagi seorang wanita muslim untuk menjadi presiden di sebuah negara Islam, dengan kata lain ketika itu AJK Lajnah ini berpecah kepada dua kelompok, satu mengatakan halal dan satu lagi mengatakan haram.

Lajnah ini tidak menentukan jangka masa yang tertentu dalam mengeluarkan fatwa kerana ahlinya bersifat NGO. Mengenai wawasan Lajnah ini, Dr. Anwar Ibrahim menegaskan bahawa Lajnah ini ingin memantapkan penguasaan bahasa Arab dan berharap satu hari nanti Indonesia akan mempunyai mufti sebagai mana yang berlaku di Malaysia. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Lajnah ini mencakupi pelbagai bidang seperti politik, ekonomi dan social. Mengenai kesan fatwa NU di kalangan masyarakat Islam di Indonesia memang sangat besar sebagai contoh dalam menentukan tarikh hari raya.

## **BADAN OTONOMI**

Merupakan pelaksana kebijakan NU yang berkaitan dengan kelompok masyarakat tertentu. Badan Otonomi ini meliputi:

### **1. Jam'iyah Ahli Thariqah Al-Mu'tabarah An-Nahdliyah**

Program pokok:

- Pengkajian ketarekatan dan keagamaan
- Pengembangan ajaran tarekat mu'tabarah di lingkungan NU
- Pembinaan praktek tarekat bagi warga NU

Jaringan organisasi:

15 Wilayah

200 Cabang

### **2. Muslimat NU**

Program pokok:

- Pengkaderan dan pengembangan keorganisasian
- Pengkajian keperempuanan dan kemasayarakatan
- Pengembangan SDM (SUMBER DAYA MANUSIA) kaum perempuan
- Pengembangan pendidikan kejuruan
- Pengembangan usaha social dan advokasi perempuan

Jaringan organisasi:

31 Wilayah

339 Cabang

2.650 Anak Cabang (setingkat MWC)

Jaringan usaha:

49 Rumah Sakit, Poliklinik dan Rumah Bersalin

8.522 TK dan TPQ

247 Koperasi (koperasi An Nisa)

Puluhan rumah anak yatim piatu, panti balita, asrama putri, dan Balai Latihan

Kerja yang tersebar di pelbagai daerah.

#### **¶. Gerakan Pemuda Ansor (GP Ansor)**

Program pokok:

-Pengkaderan dan pengembangan keorganisasian

-Pengembangan wawasan kebangsaan

-Pengembangan SDM di bidang ekonomi, politik, IPTEK, social budaya, dan hukum

-Pengembangan jaringan kerja nasional dan internasional

Jaringan organisasi:

30 Wilayah

337 Cabang

Jaringan usaha:

INKOWINA (Induk Koperasi Wira Usaha Nasional)

#### **4. Fatayat NU**

Program pokok:

- Pengkaderan dan pengembangan keorganisasian
- Kajian kepemudaan dan keperempuanan
- Pendidikan dan penyuluhan (kaunseling) kesehatan masyarakat
- Pengendalian krisis social, terutama menyangkut perbaikan kualiti generasi muda

Jaringan organisasi:

27 Wilayah

334 Cabang

#### **5. Ikatan Pelajar Nahdlatul Ulama (IPNU)**

Program pokok:

- Pengkaderan dan pengembangan keorganisasian
- Pengkajian social kemasyarakatan
- Pengembangan kreativiti pelajar
- Pengumpulan dana beasiswa bagi pelajar kurang mampu
- Pendidikan dan pembinaan remaja yang terlibat dengan masalah social

Jaringan organisasi:

27 Wilayah

265 Cabang

Jaringan Usaha:

KOPUTRA (Koperasi Putra Nusantara)

## **6. Ikatan Pelajar Putri Nahdlatul Ulama (IPPNU)**

Program pokok:

- Pengkaderan dan pengembangan keorganisasian
- Pengkajian social keagamaan serta masalah remaja dan -kepelajaran
- Pendidikan dan pelayanan kesehatan remaja
- Pengembangan pendidikan bagi pelajar telah berhenti sekolah

Jaringan organisasi:

26 Wilayah

316 Cabang

## **7. Ikatan Sarjana Nahdlatul Ulama (ISNU)**

- Pemetaan dan pengembangan potensi kader terdidik NU
- Optimalisasi peranan dan mobiliti social warga NU
- Pengkajian masalah-masalah keindonesiaan
- Pengembangan jaringan kerja nasional dan internasional

Jaringan organisasi:

5 Wilayah

17 Cabang

## 7. **Sarikat Buruh Muslimin Indonesia (SARBUMUSI)**

Program pokok:

- Pengembangan keorganisasian
- Pengkajian masalah perburuhan
- Pendidikan perburuhan
- Advokasi dan perlindungan buruh
- Peningkatan kesejahteraan buruh dan keluarganya

Jaringan organisasi:

14 Wilayah

342 Cabang

135 Basis GBLP (Gerakan Buruh Lapangan Pekerjaan)

## 9. **Pagar Nusa**

Program pokok:

- Pendidikan bela diri pencak silat.
- Pembinaan dan pengembangan tenaga keamanan di lingkungan NU.
- Pengembangan kerja social kemanusiaan

Jaringan organisasi:

15 Wilayah

110 Cabang

### **10. Jami'iyatul Qurro wal Huffadz (JQH)**

Program pokok:

- Pengkajian dan pengembangan seni baca Al-Qur'an.
- Pendidikan dan pembinaan qira'atul qur'an.
- Pengembangan SDM di bidang tahfidzul Qur'an.
- Penyelenggaraan MTQ.

Jaringan organisasi:

27 Wilayah

339 Cabang

Selain 10 Badan Otonomi, 5 Lajnah, dan 10 Lembaga, khusus di tingkat Pusat NU juga memiliki Centre for Strategic Policy Studies (CSPS) yang bertugas mengkaji masalah-masalah yang berkaitan dengan kebijakan strategi pemerintah.

### **MUSTASYAR**

KH. Muhammad Ilyas Ruchiat

KH. Abdullah Faqih

KH. Abdurrahman Wahid

KH. Abdullah Abbas

TGH.Muhammad Turmudzi Badruddin

0000026930

KH. Muhammad Sanusi Baco

KH. Haderani H.M.

KH. Syech Muchtar Muda Nasution

KH. Achmad Idris Marzuki SYURIYAH

### **SYURIYA**

#### **RAIS 'AAM**

KH. Muhammad Ahmad Sahal Mahfudh

#### **WAKIL RAIS 'AAM**

Drs. K.H. Moch. Tholchah Hasan

#### **RAIS**

K.H. Ma'ruf Amin

K.H. Ahmad Idris Marzuqi

Drs.K.H. A. Hafidz Utsman

Dr. K.H. Maghfur Usman

Dr. K.H. Muhammad Masyhuri Naim, M.A

Prof.Dr.K.H. Said Agil Husin Al-Munawar, M.A.

Prof. Dr. K.H. Chotibul Umam

Drs. K.H. Adib Rofi'uddin Izza

Prof. Dr.K.H. Abdul Mu'iz Kabri

Habib Muhammad Abdillah Al-Jufri

Dr. K.H. Artani Hasbi, M.A.

Drs.K.H. Saifuddin Amsir

### **KATIB 'AAM**

Prof. Dr. H. Nasaruddin Umar, M.A.

### **WAKIL KATIB**

Drs. K.H. Malik Madany, M.A.

Dr. K.H. Anwar Ibrahim

K.H. Sadid Jauhari

Drs. H. Masrur Ainun Najih

### **A'WAN**

KH. Habib Hamid bin Alwi Alatas

KH. Habib Luthfy bin Yahya

Dr. KH. Habib Abdul Kadir Al-Habsy

Prof. Dr. Abdul Moeiz Kabry

Dr. KH. Mansur Nasution

KH. Habib Abdullah Assegaf, MA

KH. Abd. Rahman Chudlori

KH. Ahmad Warsun Munawwir, SH

KH. M. Syukri Unus

KH. Zakky Ubaid

KH. Arifin Khan

KH. Ibnu Ubaidillah Syathari

Drs. KH. Abd. Warist Ilyas

Drs. KH. Chasbullah Badawi

KH. Ubaidillah Isa

KH. Dimyati Rois

Prof. Dr.KH. Yumni Thohir

KH. Luthfy Hakim

KH. Siddiq Fauzi

Prof. Dr. Hj. Chuzaimah Tahido Yanggo, MA.

Drs. Hj. Mursyidah Thohir, MA

## **TANFIDZIYAH**

### **KETUA UMUM**

Drs. KH. Achmad Hasyim Muzadi

### **KETUA**

Drs. H. Masdar F. Mas'udi, M.A

H. M. Rozy Munir, SE., MSc.

Ir. H. Musthafa Zuhad Mughni

Prof. Dr. H. Said Agil Siradj, M.A.

H. Muhammad Fajrul Falakh, SH.,MA.,MSc.

Drs. H. Ahmad Bagdja

Prof. Dr. H.M Ridwan Lubis

Dr. H. Andi Jamaro Dulung, MSi.

Drs. H. Abbas Mu'in, MA

Prof. Dr.H. Masykuri Abdillah,M.A

Drs. H. Abdul Aziz Ahmad, M.A.

Drs. H. Abbas Mu'in, M.A

Drs.K.H. Abdul Wahid Aziz Bisri, Lc

#### **SETIA USAHA**

Dr. Endang Turmudzi, MA

#### **WAKIL SETIA UASAHA**

Drs. H. Taufiq R. Abdullah

Drs. Saiful Bahri Ansori

Ing. H.M. Iqbal Sullam

Drs. H. Anas Thahir

#### **BENDAHARI**

H. Abdullah Machrus

#### **WAKIL BENDAHARI**

Drs. Ronin Hidayat

Drs. H. Sirodjul Munir, MSc

H. Bambang Adyaksa

H. Asmui Suhaimi, SE, MBA

### **C. PENGURUSAN FATWA MUHAMMADIYAH (TARJIH MUHAMMADIYAH)**

#### **PENDAHULUAN**

Muhammadiyah adalah sebuah organisasi Islam di Indonesia yang maksud dan tujuannya untuk menegakkan dan menjunjung tinggi agama Islam sehingga terwujud masyarakat Islam yang sebenar-benarnya. Sejak organisasi ini ditubuhkan, ia sentiasa berjuang untuk terlaksananya ajaran-ajaran Islam melalui pelbagai usaha pembaharuan yang terorganisasi untuk kemajuan hidup umat dan bangsa Indonesia.

Dalam memantapkan tata kerja pengkajian Islam yang berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah, serta kesatuan visi dan persepsi terhadap pengamalan ajaran Islam, maka Muhammadiyah mendirikan bahagian khas yang disebut dengan Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam. Pengurus dan ahli majelis ini terdiri daripada ulamak dan pakar yang memiliki kemampuan melakukan penyelidikan dan pengkajian terhadap masalah-masalah keagamaan untuk menjadi pedoman

pengamalan ajaran Islam, baik dalam bidang akidah, ibadah mahupun dalam bidang mu'amalah. Pada hakikatnya, majelis inilah yang melakukan pengurusan fatwa di lingkungan organisasi Muhammadiyah.

Muhammadiyah dalam mengambil keputusan terhadap masalah-masalah yang menjadi agenda musyawarah Tarjih, tetap berpedoman kepada al-Quran dan as-Sunnah serta menggalakkan mekanisme ijtihad. Oleh itu, Majelis Tarjih dalam persidangannya selalu mengikut sertakan kaum intelektual dan cendekiawan serta pakar dalam pelbagai bidang ilmu sebagai usaha melakukan pendekatan interdisiplin. Sejumlah besar hasil kajian yang telah dibincangkan dan menjadi keputusan Majelis Tarjih, telahpun disebar luaskan di tengah masyarakat melalui media cetak dan elektronik. Di antaranya Himpunan Putusan Majelis Tarjih Muhammadiyah, Suara Muhammadiyah, Jurnal Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam, dan Tanya Jawab Agama.

## LATAR BELAKANG PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN MUHAMMADIYAH

Muhammadiyah ditubuhkan pada saat umat Islam Indonesia sedang mengalami ketertindasan, kebodohan, kemiskinan dan keterbelakangan, sebagai akibat daripada kolonialisme. Pada waktu itu, umat Islam tidak lagi menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai pedoman langsung dalam kehidupan sehari-hari. Belajar al-Quran lebih banyak bersifat *tabarruk* dan *ta'abbud*, ruh Islam seolah-olah hilang dalam kehidupan masyarakat baik dalam aspek sosial-budaya mahupun dalam aspek ekonomi dan politik.

Dalam kondisi umat Islam yang seperti ini, Kyai Haji Ahmad Dahlan tampil mengemukakan gagasan besar untuk kemajuan umat Islam dengan mendirikan organisasi Muhammadiyah pada 8 Zulhijjah 1330 H bertepatan dengan 18 November 1912 M.

Terdapat beberapa faktor yang melatar belakangi penubuhan Muhammadiyah, iaitu:

Pertama, faktor subjektif yakni faham dan keyakinan keagamaan yang dimiliki oleh KH Ahmad Dahlan sendiri. Dengan keluasan ilmunya serta penghayatannya terhadap al-Quran dan as-Sunnah, maka sampailah ia pada kesimpulan bahwa untuk mewujudkan Islam dalam realitas sosial haruslah melalui organisasi. Kedua, faktor objektif yang terdiri dari kondisi internal dan eksternal umat Islam.

Cara keberagaman umat Islam waktu itu sudah bercampur dengan ajaran-ajaran lain sehingga tidak murni lagi, dan bahkan Islam difahami secara parsial. Akibatnya, kebahagiaan duniawi dan ukhrawi yang dijanjikan, tidak terwujud dalam kehidupan. Di sisi lain, politik kolonial Belanda yang berkeinginan terus menjajah Indonesia, memberi dukungan kepada gerakan Nasrani serta melakukan politik adu domba di kalangan sesama umat dan bangsa Indonesia. Faktor-faktor ini mengobarkan semangat dan mendorong Kyai Haji Ahmad Dahlan untuk menubuhkan organisasi Muhammadiyah.

Sejak penubuhannya sampai sekarang, organisasi Muhammadiyah telah dipimpin oleh sejumlah tokoh peringkat kebangsaan, iaitu:

1. Kyai Haji Ahmad Dahlan (1912 – 1923)
2. Kyai Haji Ibrahim (1923 – 1934)
3. Kyai Haji Hasyim (1934 – 1937)
4. Kyai Haji Mas Mansur (1937 – 1942)
5. Ki Bagus Hadikusuma (1942 – 1953)
6. Buya Haji Ahmad Rasyid Sutan Mansur (1953 – 1959)
7. Kyai Haji Yunus Anis (1959 – 1962)
8. Kyai Haji Ahmad Badawi (1962 – 1968)
9. Kyai Haji Faqih Usman (1968)
10. Kyai Haji Abdurrazaq Fachruddin (1968 – 1990)
11. Kyai Haji Ahmad Azhar Basyir, MA. (1990 – 1994)
12. Prof.Dr.H.M.Amien Rais (1994 – 1998)

13. Prof.Dr.H.Ahmad Syafi'i Ma'arif (1998 – 2005)

### **CARTA ORGANISASI**

Organisasi Muhammadiyah, memiliki 5 (lima) peringkat pimpinan iaitu:

1. Pimpinan Pusat, yang memiliki dua pejabat di Yogyakarta dan Jakarta.
2. Pimpinan Wilayah, berada di setiap propinsi (negeri) sebanyak 30 .
3. Pimpinan Daerah, berada di setiap kabupaten atau kota (daerah) sebanyak 324.
4. Pimpinan Cabang berada di setiap kecamatan (mukim) sebanyak 2.629.
5. Pimpinan Ranting berada di setiap desa (kampong) sebanyak 6.179.

Masing-masing peringkat dilengkapi dengan Majelis, Lembaga, Biro dan Organisasi Otonom seperti Aisyiyah, Pemuda Muhammadiyah, Nasyiatul Aisyiyah, Ikatan Mahasiswa Muhammadiyah, Ikatan Remaja Muhammadiyah, Tapak Suci Muhammadiyah dan Hizbul Wathan.

Susunan Pimpinan Pusat Muhammadiyah periode 2000 – 2005 terdiri daripada seorang Ketua, empat orang Wakil Ketua, dua orang Setia usaha, dua orang Wakil Setia usaha, dua orang Bendahari, lapan orang Pembina Bidang. Dilengkapi dengan enam belas Majelis dan Lembaga sebagai unsur pembantu pimpinan yang terdiri dari pada Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam, Majelis Tablig dan Dakwah Khusus, Majelis Pendidikan Tinggi, Penelitian

dan Pengembangan, Majelis Pengembangan Kader dan Sumber Daya Insani, Majelis Pendidikan Dasar dan Menengah, Majelis Ekonomi, Majelis Pengembangan Kesehatan dan Kesejahteraan Masyarakat, Majelis Wakaf dan Kehartabendaan, Lembaga Pengembangan Tenaga Profesi, Lembaga Hikmah, Lembaga Pemberdayaan Tani, Buruh dan Nelayan, Lembaga Penegakan Supermasi Hukum dan Hak Asasi Manusia, Lembaga Seni dan Budaya, Lembaga Hubungan Luar Negeri, Lembaga Studi dan Pemberdayaan Lingkungan Hidup dan Lembaga Amil Zakat, Infaq dan Sadaqah.

### **ASET (AMAL USAHA) MUHAMMADIYAH**

Aset Muhammadiyah terdapat di pelbagai sektor seperti pendidikan, sosial, ekonomi, kesehatan dan sebagainya. Dalam bidang pendidikan, Muhammadiyah memiliki 166 perguruan tinggi, 2.732 sekolah menengah, 1.134 sekolah rendah, 71 sekolah luar biasa dan 3.370 TADIKA. Di bidang sosial, Muhammadiyah memiliki 447 rumah anak yatim, rumah orang-orang tua, dan rehabilitasi orang kurang upaya. Di bidang ekonomi, Muhammadiyah memiliki 19 bank perkreditan rakyat, 190 baitut tamwil, 808 koperasi dan 656 balai pertemuan. Di bidang kesihatan, Muhammadiyah memiliki 43 rumah sakit umum, 31 rumah sakit bersalin, 136 rumah berubat, 110 balai kesihatan ibu dan anak, 205 poliklinik. Selain itu Muhammadiyah memiliki masjid dan surau sebanyak 11.198 buah.

## MAJELIS TARJIH DAN PENGEMBANGAN PEMIKIRAN ISLAM

Kajian yang berkaitan dengan masalah keagamaan di lingkungan Muhammadiyah ditangani oleh Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam. Dipilih nama Majelis Tarjih, untuk menunjukkan spesifikasi bidang kerjanya iaitu mengadakan penelitian dan kajian terhadap dasar-dasar yang lebih kuat untuk menjadi pedoman pengamalan ajaran Islam, baik dalam bidang akidah, ibadah mahupun muamalat. Tugas Majelis Tarjih tidaklah sekadar mentarjih dalil-dalil atau pendapat yang bertentangan, tetapi juga melakukan ijtihad. Dengan demikian, penggunaan kata Tarjih bagi Muhammadiyah bukan hanya dalam konteks menentukan dalil yang lebih kuat jika terdapat dalil-dalil yang bertentangan (*at-ta'arudh*), tetapi lebih luas dari itu yakni melakukan pengkajian terhadap masalah-masalah keagamaan dan isu-isu semasa ditinjau dari perspektif Islam.

Secara rasmi keberadaan Majelis Tarjih diterima melalui keputusan Kongres Muhammadiyah tahun 1927 di Pekalongan. Sedangkan pembentukan pengurusnya untuk julung kalinya disahkan dalam kongres Muhammadiyah di Yogyakarta pada tahun 1928. Sejak pembentukannya sampai sekarang, terdapat sembilan orang ulamak yang menjadi pengerusi atau ketua Majelis Tarjih Pimpinan Pusat Muhammadiyah:

1. Kyai Haji Mas Mansur (1928 – 1936)
2. Ki Bagus Hadikoesoemo (1936 – 1942)

3. Kyai Haji A. Badawi (1942 – 1950)
4. KRH. Hadjid (1950 – 1959)
5. KRT. Wardan Diponegoro (1959 – 1985)
6. K.H. Ahmad Azhar Basyir, MA. (1985 – 1990)
7. Prof.Drs.H. Asjmundi Abdurrahman (1990 – 1995)
8. Prof.Dr. H.Amin Abdullah (1995 – 2000)
9. Dr. H. Syamsul Anwar, MA (2000 – 2005).

Visi Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam adalah terwujudnya pemahaman dan pemikiran yang berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah sehingga mampu memberikan respond terhadap kemajuan dan perkembangan zaman bagi mewujudkan masyarakat yang unggul. Sedangkan misinya adalah:

- a. Mewujudkan tauhid dan ibadah yang murni sesuai dengan ajaran Allah SWT yang dibawa oleh Rasul-rasul Allah terdahulu hingga Nabi Muhammad SAW.
- b. Memahami agama dengan menggunakan akal pikiran sesuai dengan jiwa ajaran Islam untuk menjawab dan menyelesaikan persoalan-persoalan yang bersifat duniawi.
- c. Mengkaji isu-isu keagamaan semasa.
- d. Memberikan tuntunan amalan-amalan Islam dalam kehidupan pribadi, keluarga dan masyarakat.

Majelis Tarjih memiliki tiga tingkatan kepemimpinan yaitu tingkat pusat, tingkat wilayah dan tingkat daerah. Masing-masing tingkat memiliki susunan pimpinan harian dan bagian/devisi seperti bagian Fatwa dan Pengembangan Keputusan Tarjih, bagian Hisab dan Pengembangan Tafsir, bagian Kaderisasi, Bagian Jurnal dan Publikasi, bagian Wanita dan Keluarga, bagian Pengembangan Pemikiran Islam dan Pengetahuan/Teknologi serta bagian Sosial Budaya.

Mekanisme dan tatakerja Majelis Tarjih diatur secara terperinci di dalam Qa'idah Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam yang ditetapkan dalam Surat Keputusan Pimpinan Pusat Muhammadiyah No.21/SK-PP/II.A/8.c/2000 tarikh 25 Zulqa'dah 1420 H / 01 Mac 2000 M. Ada dua istilah yang digunapakai dalam persidangan Majelis Tarjih, yaitu rapat dan musyawarah. Kedua istilah ini memiliki makna khas sebagai berikut:

- a. Rapat adalah permesyuaratan Pimpinan Majelis untuk membicarakan pelaksanaan keputusan-keputusan, masalah-masalah organisasi, dan masalah-masalah yang timbul atas pelaksanaan keputusan, baik mengenai organisasi mahupun mengenai keagamaan dan pengembangan pemikiran Islam.
- b. Musyawarah adalah suatu forum yang diberi kuasa penuh untuk membahas dan mengambil keputusan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan masalah keagamaan dan pengembangan pemikiran Islam.

Ditinjau dari segi bentuk pelaksanaan mesyuarat, ianya terdiri daripada enam macam iaitu mesyuarat harian, rapat pimpinan, mesyuarat khusus bagian,

mesyuarat lengkap dan mesyuarat kerja. Kekerapan rapat dilakukan sesuai kepentingannya, minima ada mesyuarat yang diadakan satu kali sebulan, satu kali tiga bulan dan ada yang satu kali dalam satu period. Adapun musyawarah Tarjih secara hirarki terdiri daripada:

- a. Musyawarah Nasional Tarjih, dilaksanakan minima sekali dalam satu periode yang diselenggarakan oleh Majelis Tarjih Pusat.
- b. Musyawarah Wilayah Tarjih, dilaksanakan minima sekali dalam satu periode yang diselenggarakan oleh Majelis Tarjih Wilayah.
- c. Musyawarah Daerah Tarjih, dilaksanakan minima sekali dalam satu periode yang diselenggarakan oleh Majelis Tarjih Daerah.

Peserta yang dibenarkan mengikuti musyawarah adalah ahli-ahli Tarjih tingkat bersangkutan dan pihak lain yang dianggap perlu oleh Majelis serta dipersetujui oleh pimpinan organisasi. Kuasa untuk mengambil keputusan dalam musyawarah Tarjih hanya ada pada ahli-ahli Tarjih tingkat bersangkutan. Keputusan musyawarah berkuat kuasa setelah ditanfizkan (dikuatkuasakan) oleh Pimpinan Muhammadiyah sesuai tingkatannya. Keputusan yang telah berkuatkuasa akan tetap berlaku, ia hanya dapat diubah atau dibatalkan oleh keputusan musyawarah yang setingkat atau musyawarah tingkat di atasnya.

## **PENGURUSAN FATWA / TARJIH MUHAMMADIYAH**

Dalam pertemuan yang secara khas diadakan pada 9 Desember 2004 di Pejabat Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam Pimpinan Pusat Muhammadiyah Yogyakarta, team penyelidik INFAD mendapatkan maklumat yang lebih jelas tentang pengurusan fatwa/tarjih yang digunapakai di lingkungan organisasi Muhammadiyah. Pertemuan tersebut selain dihadiri oleh Pengerusi Majelis Tarjih Pusat Dr.H.Syamsul Anwar, MA juga dihadiri oleh Prof.Drs.H.Asjmuni AR, Drs. H.Ismail Thaib, dan Drs.H.Kamal Muchtar yang merupakan ahli Majelis Tarjih.

Memandangkan banyaknya isitilah yang berkaitan dengan pandangan keagamaan, maka perlu difahami secara jelas perbezaan antara tarjih, fatwa dan wacana yang digunapakai di lingkungan Muhammadiyah. Istilah tarjih dimaksudkan adalah keputusan yang telah ditetapkan di dalam musyawarah nasional yang telah ditanfizkan oleh Pimpinan Pusat Muhammadiyah. Keputusan musyawarah nasional tarjih, sebahagiannya telah diterbitkan dalam bentuk buku dengan tajuk *Himpunan Putusan Majelis Tarjih Muhammadiyah*. Inilah yang merupakan pandangan rasmi Muhammadiyah dan sifatnya mengikat bagi seluruh warga Muhammadiyah. Manakala fatwa digunakan sebagai pandangan keagamaan yang dikemukakan oleh pengurus Majelis Tarjih sebagai tuntunan yang bersifat persuasive dan sifatnya tidak mengikat. Umpamanya soal jawab agama yang dimuat di dalam akhbar demikian juga yang disiarkan melalui radio dan televisyen. Sebahagian fatwa juga telah dibukukan dengan tajuk *Tanya Jawab Agama* yang terdiri daripada empat jilid. Sedangkan wacana adalah merupakan

pemikiran dan pandangan-pandangan yang masih memerlukan pengkajian lebih lanjut, seperti artikel dan tulisan yang dimuat di dalam *Jurnal Tarjih*.

Muhammadiyah dalam merumuskan keputusan-keputusan hukum memiliki metodologi khas yang disebut *manhaj tarjih*. Pokok-pokok manhaj majelis tarjih terdiri daripada enam belas perkara iaitu:

1. Di dalam *beristidlal*, dasar utamanya adalah al-Quran dan as-Sunnah as-Sahihah. Ijtihad dan *istinbat* atas dasar 'illah terhadap hal-hal yang tidak terdapat di dalam *nas*, dapat dilakukan selagi tidak berkaitan dengan bidang *ta'abbdudi*, dan memang merupakan hal yang diajarkan dalam memenuhi keperluan hidup manusia. Dengan perkataan lain, Majelis Tarjih menerima ijtihad, termasuk qiyas, sebagai cara dalam menetapkan hukum yang tidak ada nasnya secara langsung.
2. Dalam memutuskan suatu keputusan, dilakukan dengan cara musyawarah. Dalam menetapkan masalah ijtihad, digunakan system *ijtihad jama'iy*. Dengan demikian, pendapat perorangan dari ahli majelis, tidak dianggap kuat.
3. Tidak mengikatkan diri kepada suatu mazhab, tetapi pendapat-pendapat mazhab dapat menjadi bahan pertimbangan dalam menetapkan hukum, selagi sesuai dengan jiwa al-Quran dan as-Sunnah atau dasar-dasar lain yang dipandang kuat.
4. Berprinsip terbuka dan toleran, dan tidak beranggapan bahawa hanya Majelis Tarjih yang paling benar. Keputusan diambil atas dasar dalil-dalil

yang dianggap paling kuat yang didapati ketika keputusan diambil. Koreksi dari siapapun akan diterima, selagi dapat diberikan dalil-dalil lain yang lebih kuat. Dengan demikian, Majelis Tarjih dimungkinkan mengubah keputusan yang pernah ditetapkan.

5. Di dalam masalah aqidah (tawhid), hanya dipergunakan dalil-dalil yang mutawatir.
6. Tidak menolak ijma' sahabat sebagai dasar sesuatu keputusan.
7. Terhadap dalil-dalil yang nampak mengandung *ta'arudl*, digunakan cara *al-jam'u wa at-tawfiq*, dan kalau tidak dapat, baru dilakukan *tarjih*.
8. Menggunakan asas *sadduz zarai'* untuk menghindari terjadinya fitnah dan mafsadah.
9. Menta'lil dapat dipergunakan untuk memahami kandungan dalil-dalil al-Quran dan as-Sunnah, selagi sesuai dengan tujuan syari'ah. Adapun qaidah *al-hukmu yaduru ma'a 'illatihi wujudan wa 'adaman* dalam hal-hal tertentu dapat berlaku.
10. Penggunaan dalil-dalil untuk menetapkan sesuatu hukum, dilakukan dengan cara komprehensif, utuh dan bulat, tidak terpisah.
11. Dalil-dalil umum al-Quran dapat ditakhsis dengan Hadis Ahad, kecuali dalam bidang Aqidah.
12. Dalam mengamalkan agama Islam, menggunakan prinsip *at-taysir*.
13. Dalam bidang ibadah yang diperoleh ketentuan-ketentuannya dari al-Quran dan as-Sunnah, pemahamannya dapat dengan menggunakan akal, selagi diketahui latar belakang dan tujuannya. Meskipun harus diakui

bahawa akal bersifat nisbi, sehingga prinsip mendahulukan nas daripada akal memiliki kelenturan dalam menghadapi perubahan situasi dan kondisi.

14. Dalam hal-hal yang termasuk *al-umur ad-dunyawiyah* yang tidak termasuk tugas para nabi, penggunaan akal sangat diperlukan demi kemaslahatan umat.
15. Untuk memahami nas yang *musytarak*, faham sahabat dapat diterima.
16. Dalam memahami nas, makna zahir didahulukkan dari takwil dalam bidang akidah. Takwil sahabat dalam hal itu, tidak semestinya diterima.

Dengan adanya *manhaj tarjih* ini, maka seluruh ulamak Muhammadiyah di Indonesia memiliki kerangka yang jelas dan standard yang sama dalam melakukan proses *istinbat* hukum dan juga dalam memberikan bimbingan keagamaan kepada masyarakat. Di samping itu, untuk kelancaran dan kesempurnaan mekanisme kerja, dipedomani secara khas Qa'idah Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam.

Penyemakan terhadap keputusan tarjih selalu dimungkinkan, sesuai dengan pokok ke-empat yang disebutkan dalam manhaj majelis tarjih. Namun demikian, penyemakan atau koreksi harus dilakukan melalui keputusan Majelis Tarjih yang didasarkan kepada musyawarah sesuai dengan ketentuan organisasi. Penyemakan dan perubahan keputusan tarjih telah beberapa kali diadakan, seperti memasang gambar K.H.Ahmad Dahlan pada mulanya dilarang kerana dikhawatirkan warga

Muhammadiyah akan taassub kepada individu tertentu, namun setelah dilakukan semakan semula, maka larangan itu dihentikan sehingga diperbolehkan memasang gambar K.H.Ahmad Dahlan.

Keputusan Majelis Tarjih yang telah diterbitkan dalam bentuk buku, disusun berdasarkan kategori tajuk-tajuk bahasan seperti kitab iman, kitab taharah, kitab salat, kitab zakat, kitab siyam, kitab haji, kitab janazah, kitab waqaf dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga susunan berdasar tempat dilaksanakannya tarjih, seperti keputusan tarjih Sidoarjo yang mengkaji masalah Bank dan Keluarga Berencana, tarjih Wiradesa yang mengkaji salat tatawwu', sujud tilawah, sujud syukur, asuransi, hisab dan lain-lain.

Pendokumentasian keputusan tarjih Muhammadiyah dimulai sejak dilakukannya musyawarah tarjih sebagai fail persidangan. Selanjutnya setelah ditanfizkan oleh Pimpinan Pusat Muhammadiyah, keputusan tarjih tersebut diedarkan ke seluruh wilayah, daerah dan cawangan seluruh Indonesia untuk disampaikan kepada seluruh ahli persyarikatan. Selain itu, keputusan tarjih juga dipublikasikan melalui Berita Rasmi Muhammadiyah, Suara Muhammadiyah, Jurnal Tarjih dan akhirnya diterbitkan dalam bentuk buku yang disebar luaskan di kalangan masyarakat.

Keahlian Tarjih terdiri daripada ulamak dan cendekiawan ahli Muhammadiyah baik lelaki mahupun perempuan dengan syarat (1) warganegara Indonesia, (2)

beragama Islam, (3) menyetujui dan bersedia melaksanakan maksud dan tujuan Muhammadiyah, (4) memiliki kemahuan dan kemampuan dalam ketarjihan dan pengembangan pemikiran keislaman. Setiap musyawarah tarjih selain dihadiri oleh ahli tarjih juga dihadiri oleh pelbagai pakar sesuai bidang yang dibicarakan. Walaubagaimanapun, kuasa untuk mengambil keputusan dalam musyawarah tarjih hanya ada pada ahli tarjih. Dengan kata lain, keputusan tarjih hanya ditentukan oleh ahli-ahli tarjih sahaja.

Organisasi Muhammadiyah telah menggunakan ICT secara luas baik di peringkat pusat demikian juga di peringkat wilayah dan daerah bahkan sampai pada peringkat cawangan. Terutama lagi dalam bidang pendidikan, Universiti-univeresiti Muhammadiyah dan sekolah-sekolah yang berprestasi tinggi telah menggunakan ICT pada proses pembelajaran. Di peringkat pusat, Muhammadiyah memiliki website: [www.muhammadiyah.org.id](http://www.muhammadiyah.org.id). Sungguhpun demikian, penggunaan ICT dalam pengeluaran dan pengurusan tarjih/fatwa di lingkungan Muhammadiyah, masih terhad dan belum dimanfaatkan secara maksima.

Memandangkan posisi Majelis Tarjih sangat startegik dalam bidang hukum Islam, maka kajian-kajian keislaman perlu dibincangkan secara serius dengan pendekatan interdisiplin. Bagi memartabatkan institusi ini, diperlukan pengembangan pemikiran dalam aspek metodologi (*manhaj*) seperti *istidlal*, *istinbat* dan *ijtihad*, demikian juga pada aspek materi hukum (*maudlu'at*) perlu

disusun materi fiqah baru seperti fiqah kelautan, pertanahan, kehutanan, perburuhan, pelancongan dan sebagainya.

#### **RUJUKAN:**

Abdurrahman, Prof.Dr.H. Asjmuni. 2003. *Manhaj Tarjih Muhammadiyah*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Basri, Agus Cs. (Ed.). 2003. *Muhammadiyah Facing the Global Era*. Jakarta: Bank Persyarikatan.

Himpunan Fatwa Dewan Syariah Nasional, 2003 Edisi Kedua, Dewan Syariah Nasional Indonesia.

Himpunan fatwa Majelis Ulama Indonesia.2003.

Basyir, K.H.Ahmad Azhar. 1993. *Refleksi Atas Persoalan Keislaman*. Bandung: Penerbit Mizan.

Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam. 2000. *Buku Panduan Munas Tarjih XXV*. Yogyakarta: Panitia Pusat Mukhtamar Muhammadiyah ke-44.

Pimpinan Pusat Muhammadiyah. T.T. *Himpunan Putusan Majelis Tarjih Muhammadiyah*. Yogyakarta:

Pimpinan Pusat Muhammadiyah. 2000. *Profil Muhammadiyah 2000*. Yogyakarta: PT.

Pedoman Penyelenggaraan Organisasi Majelis Ulama Indonesia.

Sekretariat Majelis Ulama Indonesia 2001

Surya Sarana Utama.

Tim Pembina al-Islam dan Kemuhammadiyah. 1990. *Muhammadiyah: Sejarah, Pemikiran dan Amal Usaha*. Yogyakarta: PT. Tiara Wacana Yogya dengan Universitas Muhammadiyah Malang Press.

Temu bual dengan Dr.anwar Ibrahim, salah seorang wakil katib NU.

Temu bual dengan K.H. Ma'ruf Amin.(wakil MUI)


[www.nu.or.id](http://www.nu.or.id)

[www.muhammadiyah.org.id](http://www.muhammadiyah.org.id)

# LAMPIRAN

# STRUKTUR ORGANISASI MUHAMMADIYAH

**Keterangan:**  
 : Garis Pimpinan dan Tanggung jawab  
 : Garis Pimpinan Teknis dan Administratif  
 : Garis Pengawasan dan Bimbingan



**SURAT KEPUTUSAN PIMPINAN PUSAT MUHAMMADIYAH**  
**No. 21/SK-PP/II.A/8.c/2000**

tentang:  
**QA'IDAH MAJELIS TARJIH DAN PENGEMBANGAN PEMIKIRAN**  
**ISLAM**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Pimpinan Pusat Muhammadiyah:  
Membaca :

1. Rancangan Qa'idah Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam yang disampaikan oleh Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam Pimpinan Pusat Muhammadiyah dengan suratnya nomor II.A/1.a/055/1999 tanggal 17 Jumadil akhir 1420 H/27 Oktober 1999 M hal: Penyusunan Qa'idah;
2. Surat Lembaga Pengembangan Organisasi Pimpinan Pusat Muhammadiyah nomor V.B/1.a/131/2000 tgl. 15 Syawal 1420 H/22 Januari 2000 M hal: Usulan pengesahan Qa'idah Majelis Tarjih;

Memperhatikan :

1. Surat Keputusan Pimpinan Pusat Muhammadiyah nomor 74/SK-PP/I.A/8.a/1993 tanggal 10 R.Akhir 1414 H / 27 September 1993 M tentang Qa'idah Majelis Tarjih Muhammadiyah
2. Surat Keputusan Pimpinan Pusat Muhammadiyah nomor 56/SK-PP/II-A/1.a/1999 tanggal 20 Rab. Akhir 1420 H / 2 Agustus 1999 tentang Tanfidz Keputusan Musyawarah Nasional Majelis Tarjih;

Menimbang :

1. Bahwa untuk kelancaran dan kesempurnaan mekanisme kerja Pimpinan Persyarikatan di

- bidang pembinaan dan pengembangan hukum Agama Islam, perlu menetapkan Qa'idah Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam;
2. Bahwa Qa'idah Majelis Tarjih Muhammadiyah yang ditetapkan dengan Surat Keputusan Pimpinan Pusat Muhammadiyah nomor 74/SK-PP/I.A/8.a/1993 tanggal 10 R. Akhir 1414 H/27 September 1993 M perlu disesuaikan dengan perkembangan dan disempurnakan;

Mengingat

1. Anggaran Dasar Muhammadiyah Pasal 4 dan 14;
  2. Anggaran Rumah Tangga Muhammadiyah Pasal 16 ayat 3;
  3. Keputusan Pimpinan Pusat Muhammadiyah nomor 09/SK-PP/I.A/8.a/95 tanggal 15 R. Akhir 1416 H / 10 September 1995 M tentang Tanfidz Keputusan Muktamar Muhammadiyah ke-43;
  4. Instruksi Pimpinan Pusat Muhammadiyah nomor 02/INSTR.PP/1995 tanggal 15 R. Akhir 1416 H / 10 September 1995 tentang pelaksanaan Keputusan Pimpinan Pusat Muhammadiyah nomor 09/SK-PP/I.A/1.a/1995 tentang Tanfidz Keputusan Muktamar Muhammadiyah ke-43;
- : Pembicaraan dan keputusan rapat Pimpinan Pusat Muhammadiyah tanggal 12 Februari 2000;

Berdasar

MEMUTUSKAN:

Menetapkan  
: KEPUTUSAN PIMPINAN PUSAT MUHAMMADIYAH TENTANG QA'IDAH MAJELIS TARJIH DAN PENGEMBANGAN PEMIKIRAN ISLAM, sebagai berikut:

## BAB I KETENTUAN UMUM Pasal 1 Pengertian

Dalam Qa'idah ini yang dimaksud dengan:

- a. Persyarikatan adalah Persyarikatan Muhammadiyah.
- b. Majelis adalah Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam.
- c. Majelis Pusat adalah Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam, Pimpinan Pusat Muhammadiyah.
- d. Majelis Wilayah adalah Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam, Pimpinan Wilayah Muhammadiyah.
- e. Majelis Daerah adalah Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam, Pimpinan Daerah Muhammadiyah.

## BAB II KEDUDUKAN, FUNGSI DAN TUGAS Pasal 2 Kedudukan

Majelis adalah unsur Pembantu Pimpinan Persyarikatan yang dalam menjalankan tugasnya bertanggungjawab kepada Pimpinan Persyarikatan masing-masing tingkat.

### Pasal 3 Fungsi

Majelis berfungsi sebagai Pembantu Pimpinan Persyarikatan dalam menjalankan keputusan Persyarikatan yang berhubungan dengan tugas-tugas Majelis sesuai dengan tingkatnya masing-masing.

### Pasal 4 Tugas

Majelis mempunyai tugas pokok:

- a. Mempergiat pengkajian dan penelitian ajaran Islam dalam rangka

- pelaksanaan tajdid dan antispisasi perkembangan masyarakat.
- b. Menyampaikan fatwa dan pertimbangan kepada Pimpinan Persyarikatan guna menentukan kebijaksanaan dalam menjalankan kepemimpinan serta membimbing umat, khususnya anggota dan keluarga Muhammadiyah.
  - c. Mendampingi dan membantu Pimpinan Persyarikatan dalam membimbing anggota melaksanakan ajaran Islam.
  - d. Membantu Pimpinan Persyarikatan dalam mempersiapkan dan meningkatkan kualitas ulama.
  - e. Mengarahkan perbedaan pendapat/faham dalam bidang keagamaan ke arah yang lebih maslahat.

### BAB III TINGKATAN ORGANISASI

#### Pasal 5 Tingkatan

- (1). Majelis dibentuk di tingkat Pusat, tingkat Wilayah, dan tingkat Daerah.
- (2). Pembentukan Majelis tersebut pada ayat (1) pasal ini dilakukan oleh Pimpinan Persyarikatan masing-masing tingkat.
- (3).
  - a. Majelis di tingkat Pusat disebut Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam Pimpinan Pusat Muhammadiyah.
  - b. Majelis di tingkat Wilayah disebut Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam Pimpinan Pimpinan Wilayah Muhammadiyah.
  - c. Majelis di tingkat Daerah disebut Majelis Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam Pimpinan Daerah Muhammadiyah.

#### Pasal 6 Bagian-Bagian

- (1). Pada Majelis dapat dibentuk bagian-bagian sesuai dengan keperluan.
- (2). Pembentukan bagian-bagian tersebut pada ayat (1) pasal ini pada Majelis Wilayah dan Majelis Daerah sejauh mungkin disesuaikan dengan bagian-bagian pada Majelis Pusat.

#### Pasal 7 Hubungan

Majelis secara hirarkis bertanggungjawab kepada Pimpinan Persyarikatan masing-masing tingkat dan secara teknis mendapat bimbingan dan koordinasi dari Majelis tingkat di atasnya.

### BAB IV PIMPINAN DAN ANGGOTA

#### Pasal 8 Pimpinan

- (1). Susunan dan keanggotaan Pimpinan Majelis ditetapkan oleh Pimpinan Persyarikatan masing-masing tingkat.
- (2). Syarat keanggotaan Pimpinan Majelis sama dengan syarat keanggotaan Pimpinan Persyarikatan, dengan tambahan memiliki kemauan dan kemampuan dalam ketarjihan dan pengembangan pemikiran keislaman.

#### Pasal 9 Susunan Pimpinan

- (1). Pimpinan Majelis Pusat sekurang-kurangnya terdiri atas seorang ketua, seorang wakil ketua, seorang sekretaris, seorang wakil sekretaris, seorang bendahara, seorang wakil bendahara dan 7 (tujuh) orang anggota pimpinan.
- (2). Pimpinan Majelis Wilayah sekurang-kurangnya terdiri atas seorang ketua, seorang wakil ketua, seorang sekretaris, seorang wakil sekretaris, seorang bendahara, seorang wakil bendahara, dan 5 (lima) orang anggota pimpinan.
- (3). Pimpinan Majelis Daerah sekurang-kurangnya terdiri atas seorang ketua, seorang sekretaris, seorang bendahara dan 3 (tiga) orang anggota pimpinan.

Masa jabatan Pimpinan Majelis sama dengan masa jabatan Pimpinan Persyarikatan masing-masing tingkat.

Pasal 11  
Anggota Tarjih

- (1). Anggota Tarjih adalah ulama dan cendekiawan anggota Persyarikatan, baik laki-laki maupun perempuan, yang mempunyai kemauan dan kemampuan bertarjih dan mengembangkan pemikiran Islam.
- (2). Anggota Tarjih diangkat oleh Majelis dan disahkan oleh Pimpinan Persyarikatan masing-masing tingkat.
- (3). Anggota Tarjih terdiri atas Anggota Tarjih Pusat, Anggota Tarjih Wilayah, dan Anggota Tarjih Daerah.

Pasal 12  
Anggota Tarjih Pusat

Anggota Tarjih Pusat terdiri atas:

- a. Pimpinan Majelis Pusat.
- b. Utusan dari Majelis Wilayah.
- c. Ulama dan cendekiawan yang ditunjuk dan ditetapkan oleh Pimpinan Pusat Muhammadiyah atas usul Majelis Pusat.

Pasal 13  
Anggota Tarjih Wilayah

Anggota Tarjih Wilayah terdiri atas:

- (a). Pimpinan Majelis Wilayah.
- (b). Utusan dari Majelis Daerah
- (c). Ulama dan cendekiawan yang ditunjuk dan ditetapkan oleh Pimpinan Wilayah Muhammadiyah atas usul Majelis Wilayah.

Pasal 14  
Anggota Tarjih Daerah

Anggota Tarjih Daerah terdiri atas:

- a. Pimpinan Majelis Daerah.
- b. Utusan dari Pimpinan Cabang Muhammadiyah.
- c. Ulama dan cendekiawan yang ditunjuk dan ditetapkan oleh Pimpinan Daerah Muhammadiyah atas usul Majelis Daerah.

BAB V  
RAPAT DAN MUSYAWARAH

Pasal 15

Rapat

Rapat adalah permusyawaratan Pimpinan Majelis untuk membicarakan pelaksanaan keputusan-keputusan, masalah-masalah organisasi, dan masalah-masalah yang timbul atas pelaksanaan keputusan, baik mengenai organisasi maupun mengenai keagamaan dan pengembangan pemikiran Islam.

Pasal 16.  
Macam Rapat

Rapat-rapat Majelis terdiri atas:

- a. Rapat Harian;
- b. Rapat Pimpinan;
- c. Rapat Khusus Bagian;
- d. Rapat Koordinasi Bagian;
- e. Rapat Paripurna;
- f. Rapat Kerja.

Pasal 17  
Rapat Harian

- (1). Rapat Harian dihadiri oleh Pimpinan Harian yang terdiri atas: Ketua, para Wakil Ketua, para Sekretaris dan para Bendahara.
- (2). Rapat Harian diselenggarakan sekurang-kurangnya sekali dalam 1 (satu) bulan.

Pasal 18  
Rapat Pimpinan

- (1). Rapat Pimpinan dihadiri oleh Pimpinan Harian yang terdiri atas: Ketua, para Wakil Ketua, para Sekretaris, para Bendahara, ditambah dengan seluruh Ketua dan Sekretaris Bagian.
- (2). Rapat Pimpinan diselenggarakan sekurang-kurangnya sekali dalam 1 (satu) bulan.

Pasal 19  
Rapat Khusus Bagian

- (1). Rapat Khusus Bagian dihadiri oleh seluruh Pengurus Bagian tertentu yang terdiri atas: Ketua, Sekretaris dan anggota Bagian yang bersangkutan.
- (2). Rapat Khusus Bagian diselenggarakan sekurang-kurangnya sekali dalam 1 (satu) bulan.

Pasal 20  
Rapat Koordinasi Bagian

- (1). Rapat Koordinasi Bagian dihadiri oleh seluruh pengurus dari dua atau lebih Bagian dalam Majelis dan Wakil Ketua yang menjadi koordinator dari Bagian yang bersangkutan.
- (2). Rapat Koordinasi Bagian diselenggarakan sekurang-kurangnya sekali dalam 3 (tiga) bulan.

Pasal 21  
Rapat Paripurna

- (1). Rapat Paripurna dihadiri oleh seluruh Pimpinan Majelis dan Bagian-Bagian,
- (2). Rapat Paripurna diselenggarakan sekurang-kurangnya sekali dalam 1 (satu) tahun.

Pasal 22  
Rapat Kerja

- (1). Rapat Kerja Majelis terdiri atas:
  - a. Rapat Kerja Nasional;
  - b. Rapat Kerja Wilayah
  - c. Rapat Kerja Daerah
- (2). Rapat Kerja Nasional diselenggarakan oleh Majelis Pusat dan dihadiri oleh seluruh Pimpinan Majelis Pusat dan wakil dari Pimpinan Majelis Wilayah-Wilayah.
- (3). Rapat Kerja Wilayah diselenggarakan oleh Majelis Wilayah dan dihadiri oleh Pimpinan Majelis Wilayah dan wakil dari Majelis Daerah dalam wilayahnya.
- (4). Rapat Kerja Daerah diselenggarakan oleh Majelis Daerah dan dihadiri oleh Pimpinan Majelis Daerah dan wakil dari Pimpinan Cabang Muhammadiyah dalam daerahnya.
- (5). Rapat Kerja Nasional, Wilayah dan Daerah diselenggarakan sekurang-kurangnya sekali dalam satu periode.
- (6). Tata-tertib Rapat Kerja diatur oleh Pimpinan Majelis di masing-masing tingkat.

Pasal 23  
Rapat lain

Bila dipandang perlu Majelis di masing-masing tingkat dapat menyelenggarakan rapat-rapat di luar yang tersebut pada pasal 16.

Pasal 24  
Musyawarah

Musyawarah Tarjih adalah suatu forum yang diberi kewenangan penuh untuk membahas dan mengambil keputusan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan masalah keagamaan dan pengembangan pemikiran Islam.

## Macam Musyawarah

Musyawarah Tarjih secara hirarkis terdiri atas:

- a. Musyawarah Nasional Tarjih;
- b. Musyawarah Wilayah Tarjih;
- c. Musyawarah Daerah Tarjih.

## Pasal 26

## Musyawarah Nasional

- (1). Musyawarah Nasional Tarjih adalah Musyawarah Tarjih yang diselenggarakan oleh Majelis Pusat.
- (2). Musyawarah Nasional Tarjih diselenggarakan sekurang-kurangnya sekali dalam satu periode.

## Pasal 27

## Musyawarah Wilayah

- (1). Musyawarah Wilayah Tarjih adalah Musyawarah Tarjih yang diselenggarakan oleh Majelis Wilayah.
- (2). Musyawarah Wilayah Tarjih diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam satu periode.

## Pasal 28

## Musyawarah Daerah

- (1). Musyawarah Daerah Tarjih adalah Musyawarah Tarjih yang diselenggarakan oleh Majelis Daerah.
- (2). Musyawarah Daerah Tarjih diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam satu periode.

## Pasal 29

## Anggota Musyawarah

Musyawarah Tarjih dihadiri oleh:

- a. Anggota Tarjih tingkat bersangkutan.

- b. Pihak lain yang dipandang perlu oleh Majelis masing-masing tingkat serta mendapat persetujuan dari Pimpinan Persyarikatan tingkat bersangkutan.

## Pasal 30

## Pengambilan Keputusan

Kewenangan untuk mengambil keputusan dalam Musyawarah Tarjih hanya ada pada Anggota Tarjih tingkat bersangkutan.

## Pasal 31

## Penyelenggaraan Musyawarah

Musyawarah Tarjih seperti tersebut pada Pasal 25 diselenggarakan dengan sepengetahuan Pimpinan Persyarikatan tingkat bersangkutan.

## Pasal 32

## Tata-Tertib

- (1). Tanggungjawab penyelenggaraan Musyawarah Tarjih ada pada Pimpinan Majelis tingkat bersangkutan.
- (2). Tata-tertib Musyawarah Tarjih diatur dan ditetapkan oleh Pimpinan Majelis tingkat bersangkutan.

## Pasal 33

## Keputusan Musyawarah

- (1). Keputusan Musyawarah Nasional, Musyawarah Wilayah dan Musyawarah Daerah, selambat-lambatnya 3 (tiga) bulan sesudah Musyawarah berlangsung, oleh Pimpinan Majelis disampaikan kepada Pimpinan Persyarikatan tingkat bersangkutan.
- (2). Keputusan Musyawarah Wilayah selambat-lambatnya 2 (dua) bulan sesudah Musyawarah berlangsung disampaikan kepada Majelis Pusat.

- (3) Keputusan Musyawarah Daerah selambat-lambatnya 2 (dua) bulan sesudah Musyawarah berlangsung disampaikan kepada Majelis Wilayah.
- (4) Keputusan Musyawarah-Musyawah hanya dapat diubah atau dibatalkan oleh keputusan Musyawarah yang setingkat atau tingkat di atasnya.
- (5) Keputusan Musyawarah berlaku setelah ditandatangani oleh Pimpinan Persyarikatan tingkat bersangkutan.
- (6) Apabila dalam waktu satu bulan sesudah keputusan Musyawarah diserahkan kepada Pimpinan Persyarikatan belum ada tanfidz, Pimpinan Persyarikatan yang bersangkutan harus memberikan alasan kepada:
  - a. Majelis Pusat;
  - b. Majelis tingkat di atasnya.

Pasal 34

Musyawah lain

Apabila dipandang perlu, Majelis Pusat, Wilayah, Daerah dapat menyelenggarakan Musyawarah, pertemuan atau sidang-sidang khusus di luar ketentuan sebagaimana diatur dalam pasal 25.

BAB VI

TATA KERJA

Pasal 35

Hubungan kerja

- (1) Dalam menjalankan tugas pokoknya Majelis Pusat dapat berhubungan langsung dengan Majelis Wilayah dan Daerah dengan pemberitahuan atau menyampaikan surat tembusan kepada Pimpinan Persyarikatan tingkat bersangkutan. Dalam hal-hal yang dianggap penting, hubungan tersebut dilakukan melalui Pimpinan Persyarikatan masing-masing tingkat yang bersangkutan.
- (2) Majelis Pusat, Wilayah, Daerah dapat berhubungan dan bekerja sama dengan Majelis, Badan atau Lembaga lain dalam tingkatannya masing-masing dan memberitahukannya kepada Pimpinan Persyarikatan yang bersangkutan.

(3) Hubungan dan kerjasama Majelis dengan pihak lain di luar Persyarikatan, terlebih dahulu harus mendapat persetujuan dari Pimpinan Persyarikatan tingkat bersangkutan dan dilakukan atas nama Pimpinan Persyarikatan sesuai dengan ketentuan yang berlaku dalam Persyarikatan.

(4) Hubungan dan kerjasama dengan pihak lain di luar negeri dilakukan oleh Pimpinan Persyarikatan atau oleh Pimpinan Majelis seizin Pimpinan Pusat Persyarikatan sesuai dengan ketentuan yang berlaku dalam Persyarikatan.

BAB VII

HAK MILIK, HARTA BENDA DAN KEUANGAN

Pasal 36

- (1) Semua hak milik, harta benda, dan keuangan Majelis adalah milik Persyarikatan yang pengelolannya dilakukan oleh Majelis.
- (2) Majelis menyusun Rancangan Anggaran Biaya tahunan yang disahkan oleh Pimpinan Persyarikatan menurut tingkatannya.
- (3) Pimpinan Persyarikatan menurut tingkatannya memberikan bimbingan pengelolaan dan pengawasan keuangan kepada Majelis.
- (4) Pemindahan hak milik, khususnya benda tidak bergerak, hanya dapat dilakukan dengan persetujuan Pimpinan Persyarikatan.

BAB VIII

LAPORAN

Pasal 37

Setiap tahun, selambat-lambatnya pada triwulan pertama tahun berikutnya, Majelis menyampaikan laporan kegiatannya kepada Pimpinan Persyarikatan tingkat masing-masing.

BAB IX  
ATURAN PERALIHAN DAN PENUTUP  
Pasal 38

- (1). Hal-hal yang belum diatur dalam Qa'idah ini akan ditetapkan oleh Pimpinan Pusat Muhammadiyah setelah mendengar saran dan pendapat Majelis Pusat.
- (2). Qa'idah ini menjadi pengganti Qa'idah Majelis Tarjih Muhammadiyah yang ditetapkan dalam Surat Keputusan Pimpinan Pusat Muhammadiyah nomor 74/SK-PP/I-A/8.c/1993 tanggal 10 Rabi'ul Akhir 1414H/27 September 1993 M.
- (3). Qa'idah ini mulai berlaku sejak ditetapkan.

Ditetapkan di : Yogyakarta  
Pada tanggal : 25 Zulqad'ah 1420 H  
01 Maret 2000 M

Pimpinan Pusat Muhammadiyah

Ketua,

Sekretaris,

Prof. Dr. H. A. Syafii Ma'arif

H. M. Muchlas Abror